

MEDIA WARGA KOTA WILAYAHKU



HENTI POLITIKKAN ISU ENAKMEN SYARIAH

➤ 2-3

Pengguna perlu
bijak klik
➤➤ 5

Perlukah Akta
Media Sosial?
➤➤ 7

Telang herba
cemerlang
➤➤ 10-11

Agama Islam tidak terancam

Keputusan iktiraf undang-undang Syariah

AZLAN ZAMBRY

KEPUTUSAN Mahkamah Persekutuan yang memihak kepada pempetisyen Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid perlu dilihat secara makro kerana ia mengenai takat kompetensi melibatkan kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen yang menggubal undang-undang.

Pengamal Undang-Undang, Dr Zulqarnain Lukman berkata menerusi keputusan tersebut ia boleh dijadikan landasan bagi membuka lembaran baharu kepada Mahkamah Syariah dan DUN dengan syarat pihak yang berkaitan mengambil tindakan proaktif untuk berbincang secara serius dan mencari jalan keluar yang sepatutnya.

“Pihak Jawatankuasa (JK) Kompetensi dan Peguam Negara juga berbincang tentang impak kes ini serta dalam masa sama, saya harap pihak Majlis Agama Islam Negeri juga akan berbincang tentang hal ini.

“Setelah keputusan Mahkamah Persekutuan itu juga dan keputusan dalam kes melibatkan Iki Putra Mubarak melawan Kerajaan Negeri Selangor, maka Majlis Agama Islam di negeri negeri perlu membuat tindakan proaktif membincangkan impak kes ini secara serius dan mencadangkan cadangan pindaan kepada pihak kerajaan negeri masing-masing,” kata beliau ketika dihubungi.

Menurut Zulqarnain, menerusi keputusan penghakiman panel hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat telah memberikan pandangan menarik dalam penghakiman itu apabila Mahkamah Persekutuan



KETUA Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat menyatakan Mahkamah Persekutuan menganggap hukuman di Mahkamah Sivil juga adalah satu bentuk takzir.

menganggap bahawa hukuman di Mahkamah Sivil juga adalah satu bentuk takzir.

“Menerusi penghakiman yang dibacakan sendiri oleh Tengku Maimun, ia dilihat seolah-olah terdapat penerimaan dan pengiktirafan kepada undang-undang Islam dalam negara,” ujar beliau.

Menurut Zulqarnain dakwaan bahawa keputusan ini sengaja untuk merendahkan fungsi Mahkamah Syariah adalah dakwaan yang nakal dan tidak bertanggungjawab.

“Ini kerana menerusi penghakiman Ketua Hakim Negara yang mengetuai panel hakim bersidang tempoh hari itu sendiri menyatakan, “Dengan kata lain, isu di hadapan kami tidak kena-mengena dengan kedudukan

Islam atau Mahkamah Syariah di negara ini sama ada Islam atau Mahkamah Syariah dipertahankan atau sebaliknya bukan persoalan di dalam kes/petisyen ini.” ujarnya.

Beliau turut membidas kenyataan Ahli Parlimen Kota Bharu, Datuk Seri Takiyuddin Hassan yang menganggap ia sebagai *Black Friday* dengan merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan sebagai sejarah hitam dan mendakwa ia bakal memberi kesan buruk kepada undang-undang syariah di 14 negeri.

“Kenyataan beliau adalah tersasar. Alasannya adalah kerana seksyen yang dibatalkan itu menyebabkan Mahkamah Syariah akan lemah dan tiada lagi perkara yang hendak dibicarakan.

“Mahkamah Persekutuan pada tempoh hari telah menyebut Enakmen Kanun Syariah Jenayah (I) 2019 Negeri Kelantan itu mengandungi 68 seksyen dan yang dibatalkan itu hanya 16

seksyen dan masih ada berbaki 52 seksyen yang boleh digunakan di Mahkamah Syariah,” kata beliau.

Menjelas lanjut, Zulqarnain menyatakan bahawa negara ini mengamalkan konsep pemisahan kuasa dan keputusan Mahkamah Persekutuan itu tiada kena mengena dengan kuasa eksekutif sekali gus menafikan ada campur tangan kerajaan.

“Bahkan jika dilihat hujahan peguam cara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang merupakan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan turut menentang petisyen Nik Elin ini,” ujarnya.

Beliau yang juga bekas Ahli Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Syariah Negeri Kelantan itu berkata bagi meredakan perkara ini, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) boleh mengambil inisiatif untuk memanggil pihak Majlis Agama Islam negeri negeri dan pakar undang-undang untuk

membentangkan dapatkan masing-masing,” katanya.

Zulqarnain turut menyeru orang ramai untuk tidak terikut-ikut sesetengah ahli politik yang menunggang isu ini dengan membawa naratif bahawa Islam sudah terancam.

“Isu ini adalah semata-mata berkaitan doktrin *federalisme* iaitu berkenaan bidang kuasa DUN dan Parlimen untuk menggubal undang-undang sahaja,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata berhubung 16 seksyen yang telah dibatalkan oleh Mahkamah Persekutuan itu sememangnya tidak lagi boleh dibuat pindaan kerana inti pati seksyen itu sendiri berada dalam senarai Persekutuan yang mana DUN tiada kuasa untuk menggubalnya.

“Bagi negeri-negeri selain Kelantan, mereka perlu membuat tindakan proaktif untuk memansuhkan seksyen ini dalam Enakmen Jenayah Syariah masing-masing,” katanya. WK



ZULQARNAIN



16

PERUNTUKAN ENAKMEN SYARIAH KELANTAN YANG TERBATAL

- Seksyen 11: Memusnahkan atau mencemarkan tempat ibadat

Seksyen 14: Liwat

Seksyen 16: Persetubuhan dengan mayat

Seksyen 17: Hubungan seksual dengan bukan manusia

Seksyen 31: Gangguan seksual

Seksyen 34: Memiliki dokumen palsu, memberikan keterangan, maklumat atau kenyataan palsu

Seksyen 36: Apa-apa yang memabukkan

Seksyen 39: Mengurangkan skala, ukuran dan berat

Seksyen 40: Melaksanakan transaksi muamalat yang
- bertentangan dengan hukum syarak (undang-undang syariah)

Seksyen 41: Melaksanakan urusan niaga muamalat melalui riba

Seksyen 42: Penyalahgunaan label dan konotasi halal

Seksyen 43: Menawarkan atau menyediakan perkhidmatan maksiat

Seksyen 44: Tindakan persediaan menawarkan atau menyediakan perkhidmatan maksiat

Seksyen 45: Perbuatan maksiat sebagai persediaan

Seksyen 47: Perbuatan sumbang mahram

Seksyen 48: Muncikari (bapa atau ibu ayam)

Isu patut ditangani awal sengaja dilengahkan

Politik berlebihan punca krisis tergempar

AZLAN ZAMBRY

TINDAKAN berpolitik secara berlebihan terhadap isu melibatkan Enakmen Jenayah Syariah Kelantan oleh ahli politik menyebabkan isu yang tercetus sejak tahun 2021 menjadi kegemparan dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Menurut Peguam, **Haniff Khatiri Abdullah** menegaskan isu ini wajar ditangani lebih awal namun dilihat sengaja dibiarkan sehingga menjadi masalah sekali gus menjadi alat politik kepada pihak berkepentingan.

“Perkara ini telahpun diteliti sebelum daripada penubuhan jawatankuasa ini sebab pada 25 Feb 2021 yang ketika itu di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin apabila kes melibatkan Iki Putra mula-mula diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan, yang pada masa itu seksyen 28, Enakmen Jenayah Syariah Selangor berkaitan liwat diisytiharkan sebagai tidak sah disebabkan ia bertindan dengan kuasa undang-undang sivil oleh Kerajaan Persekutuan.

“Maka pada masa itu atau tiga tahun yang lalu, kami bersama-sama sekumpulan peguam melalui gabungan tiga persatuan peguam termasuklah Persatuan Peguam Muslim Malaysia (PPMM) dan Persatuan Peguam Syarie telahpun membuat satu petisyen yang mengandungi cadangan-cadangan yang perlu



HANIFF



TINDAKAN segelintir pihak yang mempolitikkan isu Undang-Undang Syariah merupakan sikap yang tidak bertanggungjawab.

dibuat terus kepada Ahli-Ahli Parlimen rentas parti dan mereka telah mendapat taklimat tentang apa yang perlu dibuat oleh kedua belah pihak, kerajaan dan pembangkang,” kata beliau ketika dihubungi.

Menurut Haniff menerusi petisyen yang dihantar, pihaknya telah mencadangkan beberapa peruntukan iaitu nombor 1 yang paling penting adalah dalam perlembagaan untuk menentukan apa kuasa gubalan persekutuan menerusi Parlimen serta kuasa gubalan undang-undang negeri.

“Dalam senarai kedua itu ada item 1, ada tujuh atau lapan perkara yang menjadi bidang kuasa kepada negeri dalam soal penggubalan undang-undang. Antaranya adalah untuk menggubal undang-undang kesalahan-kesalahan jenayah yang melanggar perintah-perintah agama Islam terhadap orang Islam selagi ia tidak tertakluk dalam senarai persekutuan.

“Jadi isunya adalah perkataan itu, *selagi ia tidak terkandung di dalam senarai persekutuan*’ dan sekarang ini apabila undang-undang syariah negeri digubal, kalau ia bertindan satu atau dua elemen jenayah itu maksudnya ia sudah melangkaui kuasa persekutuan.

“Kalau kita hendak adakan undang-undang syariah terpakai untuk orang Islam, boleh iaitu pindaan perlu buang sahaja syarat tersebut selagi ia tidak bertindan atau bertindih kuasa persekutuan maka dibuang sahaja klausa itu sekali gus kita akan ada dua set undang-undang,” ujarnya.

Haniff berkata justifikasi penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kompetensi Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam Menggubal dan Meminda Undang-Undang Syariah dilihat tepat bagi merungkai masalah-masalah berkaitan dengan pertindanan undang-undang yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Jawatankuasa khas itu

ditubuhkan oleh Raja-Raja Melayu menerusi Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang dipengerusikan oleh Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertujuan untuk mengkaji dan meneliti mengenai sebarang undang-undang dari aspek Perlembagaan Persekutuan supaya ia dapat dibaik pulih daripada cabaran yang dihadapi.

“Enakmen dan gubalan undang-undang Jenayah Syariah di negeri-negeri adalah di bawah Sultan dan Raja Melayu dan itu yang menyebabkan perlu melalui jawatankuasa tersebut,” katanya.

Ujar Haniff, umat Islam perlu memahami bahawa Kerajaan Persekutuan tidak boleh membuat atau menubuhkan jawatankuasa ini hanya bertindak dalam memberi pandangan, idea dan sumbangan.

“Jawatankuasa khas itu bukanlah pihak yang berkuasa di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menyerahkan kepada kerajaan apakah dia kuasa-kuasa yang perlu diberi kepada DUN untuk menentukan kuasa gubalan Undang-Undang Syariah tidak menjejaskan selepas ini dan atas perkara itu jawatankuasa ini ditubuh,” katanya.

Haniff berkata jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi dan dianggotai 11 pakar undang-undang dan Perlembagaan Persekutuan ini mempunyai kredibiliti untuk memberi pandangan dan penelitian untuk memelihara undang-undang syariah termasuklah cadangan dan gubalan. **WK**

Perlu laksana kajian terperinci elak percanggahan

KAJIAN terperinci perlu dilaksanakan membabitkan 16 Enakmen Syariah yang terbatal bagi mengelakkan percanggahan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Pakar Perlembagaan, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (COLGIS), Universiti Utara Malaydia (UUM), **Profesor Dr Ahmad Martadha Mohamed** berkata, Dewan Undangan Negeri (DUN) perlu melihat semula perkara-perkara yang tidak termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Umum sedia maklum, pindaan dari Mahkamah Syariah berdasarkan kepada undang-undang yang diluluskan oleh DUN, jadi segala undang yang diluluskan itu baru akan dilaksanakan di setiap Mahkamah Syariah.

Justeru itu, pada saya, adalah lebih penting bagaimana pihak mahkamah dan kerajaan memastikan supaya 16

enakmen yang terbatal itu kerana undang-undang di bawah Mahkamah Persekutuan ataupun di bawah Perlembagaan Persekutuan.

“Maknanya di sini, DUN perlu lihat semula perkara-perkara yang tidak termasuk dalam Perlembagaan Persekutuan,” katanya baru-baru ini.

Tambah Ahmad Martadha, ia akan memudahkan kerja Mahkamah Syariah bagi melaksanakan semula peraturan-peraturan supaya tidak bercanggah dengan Perlembagaan.

“Bila tidak berlaku percanggahan, barulah hukuman yang dikenakan terhadap mana-mana individu yang melanggar undang-undang Syariah tidak melanggar undang-undang Perlembagaan Persekutuan,”

ujarnya.

Jelas Ahmad Martadha, penelitian semula undang-undang Syariah adalah satu keperluan.

“Ia perlu kerana pada saya dan masyarakat Islam seluruh negara berasakan perlu ada peraturan-peraturan yang jelas berkaitan dengan tatasusila masyarakat Islam di sesebuah negeri itu. “Kalau kita lihat peraturan-peraturan sebelum ini di bawah Enakmen Syariah di setiap negeri, kebanyakannya berkaitan dengan kesalahan-kesalahan



AHMAD MARTADHA

yang mungkin penting untuk diambil tindakan tetapi apabila terbatal, ada perundangan yang wujud di Mahkamah Persekutuan dan ada peruntukan yang telah dinyatakan dengan jelas bahawa ia termaktub di bawah perundangan Syariah,” katanya.

Mengulas lanjut, tambah beliau adalah penting bagi pemerkasaan semula undang-undang Syariah bagi memastikan perkara yang dianggap diletakkan di bawah bidang kuasa Persekutuan mungkin tidak lagi perlu dinyatakan di Enakmen Undang-Undang Syariah.

Terdahulu, media melaporkan, Mahkamah Persekutuan dalam keputusan majoriti 8-1 memutuskan bahawa 16 kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 adalah batal dan tidak sah.

Keputusan bersejarah itu disampaikan oleh Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun Tuan Mat yang mengetuai panel sembilan anggota selepas membenarkan permohonan dua wanita Islam bagi mencabar isu perlembagaan untuk membatalkan 18 peruntukan kesalahan di bawah enakmen tersebut.

Dalam penghakiman itu,

Tengku Maimun berkata Seksyen 11, 14, 16, 17, 31, 34, 36, 39, 40, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 48 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 adalah batal dan tidak sah.

Nik Elin Zurina Nik Abdul Rashid, yang berasal dari Kelantan, dan anaknya Tengku Yamin Nastasha Abdul Rahman memfailkan petisyen itu ke Mahkamah Persekutuan mengikut Perkara 4(4) Perlembagaan Persekutuan serta menamakan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai responden tunggal.

Mereka mencabar keperlembagaan dan kesahihan 18 peruntukan dalam Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019 serta mendakwa Dewan Undangan Negeri Kelantan tidak mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang ke atas 18 kesalahan terbabit kerana terdapat undang-undang Persekutuan yang meliputi kesalahan sama. **WK**

Tiada istilah diskriminasi

Bumiputera terus diberi perhatian

ISU kerajaan bersikap diskriminasi terhadap golongan Bumiputera merupakan antara yang hebat diperkatakan di media sosial saat ini. Pelbagai fitnah dilemparkan dan yang pastinya ia dilakukan pihak tidak bertanggungjawab dalam usaha menghasut rakyat.

Antara tuduhan yang tidak berasas adalah kerajaan dikatakan telah membuka tawaran kontrak kepada bukan Bumiputera sedangkan ia sepatutnya diberi kepada Bumiputera.

Apabila isu ini dimainkan, ia membuka ruang untuk netizen mengecam kerajaan tanpa usul periksa sedangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selama ini memperjuangkan ekonomi Bumiputera khususnya orang Melayu.

Bantuan kepada peniaga Bumiputera misalnya telah lama bermula sejak sebelum negara mencapai kemerdekaan lagi sehinggalah ke hari ini pelbagai insentif pembiayaan, geran, bantuan dalam bentuk latihan, khidmat nasihat dan sebagainya diberikan dalam memastikan mereka dapat mengembangkan perniagaan. Namun semua itu diketepikan semata-mata ingin mencari kesalahan demi kepentingan peribadi.

Memetik kenyataan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli usahawan Bumiputera perlu bersaing dengan syarikat bukan Bumiputera terutama syarikat luar negara yang mempunyai keupayaan utuh berikutan membina sendiri perniagaan tanpa bantuan.

Kata beliau dalam Episod 3 Podcast Yang Bakar Menteri



RAFIZI (kiri) dalam episod podcast yang disiarkan di platform media sosialnya.

(YBM) di platform media sosialnya, bantuan kepada usahawan Bumiputera perlu diseimbangkan antara pembinaan keupayaan, penyediaan dari segi modal dan latihan.

“Semasa kita bantu, ia tidak boleh sampai melemahkan perniagaan Bumiputera. Kena seimbangkan antara pembinaan keupayaan dan penyediaan dari segi modal dan latihan. Kita kena berhati-hati,” ujar beliau.

Hakikatnya memang banyak yang telah disediakan untuk membantu ekosistem Bumiputera namun perlu diakui ada kelemahan yang menyebabkan bantuan yang disediakan selama ini tidak

dirasai dan cukup untuk usahawan Bumiputera.

Antara kelemahan yang disenaraikan beliau ialah kumpulan sasaran yang kurang tepat, skim bantuan yang tersasar kepada syarikat besar serta pertindihan program yang dilaksanakan agensi kerajaan.

“Soal pertindihan adalah masalah besar dalam kerajaan. Kita ada berpuluh agensi yang semuanya mengakui menjalankan program membantu Bumiputera, tetapi programnya itu, kejayaannya bercampur-campur,” ujar beliau.

Disebabkan itu juga, Rafizi turut menyatakan Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 yang

berbaki dua minggu sahaja lagi bermula 29 Februari 2024 hingga 2 Mac depan dapat menetapkan hala tuju dan pendekatan minda yang baharu supaya tidak berterusan mengulangi perkara sama.

Sebelum ini Anwar ada menyuarakan pendekatan baharu agar KEB 2024 dihadiri anggota Kabinet bukan Melayu agar ia lebih menyeluruh kepada semua kaum dan dapat membawa kepada penyelesaian yang lebih baik berbanding sebelum ini.

Diharapkan ia dapat dijadikan agenda bersama seterusnya isu ekonomi dapat ditangani merentas etnik dan kaum dengan cara bijaksana. **WK**

Nurul Izzah bakal dakwa pemfitnah

MEDIA sosial merupakan platform paling berpengaruh untuk dijadikan senjata bagi pihak tertentu dalam menyebarkan fitnah. Malah ia mudah mempengaruhi pengguna untuk menerima maklumat yang disampaikan.

Pendek kata semakin moden dan canggih teknologi yang wujud sekarang maka semakin mudah untuk membuat hantaran yang mengganggu gugat kehidupan orang lain.

Terbaharu, anak kepada Perdana Menteri, Nurul Izzah Anwar dikatakan menerima pelbagai kelebihan antaranya telah dilantik sebagai penasihat Agensi Pelaksanaan Ekonomi dan Koordinasi Strategik Nasional (Laksana) serta menerima gaji sebanyak RM35,000.

Fitnah yang disebarkan menerusi satu kiriman

hantaran di laman sosial Facebook mendakwa Izzah turut dibekalkan dua kakitangan dengan gaji antara RM5,000 hingga RM20,000.

Tampil menegaskan kebenaran, Izzah yang juga Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) bakal membuat laporan polis terhadap kenyataan berbau fitnah yang dilemparkan terhadap beliau.

“Petang tadi (Sabtu), saya telah menerima kiriman hantaran Facebook yang berunsur fitnah terhadap diri saya. Peguam saya masih bercuti Tahun Baharu Cina. Insya-ALLAH, laporan polis terhadap fitnah ini menyusul minggu depan selepas laporan polis oleh Nadia esok pagi (Ahad).”

“Terima kasih daun keladi buat yang membaca.

Moga ALLAH SWT membantu perjuangan dalam menegakkan keadilan dan melawan kebatilan.

“Jangan dilupakan juga ya audit oleh ProKhas ke atas Laksana, baru selesai kisah sebenar,” ujarinya lagi.

Terdahulu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memaklumkan akan bertindak lebih tegas terhadap penyebaran fitnah termasuk di media sosial bagi mengekang salah guna jenayah siber.

Sebarang perkongsian kandungan bersifat palsu, jelik dan mengancam adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, yang disabit kesalahan boleh didenda maksimum RM50,000 atau penjara setahun atau kedua-duanya sekali. **WK**



MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

1-29/2/24: Kempen Pengecualian Denda Lewat Pemulangan Buku @ Perpustakaan KL

19-23/2/24: Kem Muzik Remaja 2024 @ Auditorium DBKL

21/2-4/3/24: Ini Kraf Malaysia @ Hari Kraf Kebangsaan 2024

2/3/24: Marhaban Ya Ramadhan 2024 @ Auditorium DBKL



PUTRAJAYA

19/1-25/2/24: Leap Of Spring @ iOCITY MALL

24/2-3/3/24: Festival Lentera @ Anjung Floria

24/2-3/3/24: Pertandingan LAMPU Kreativiti 3R 2024

25/2/24: Putrajaya Inter Park Ride @ Taman Wetland

2/3/24: Putrajaya Lake and Wetland Explorace @ Taman Wetland



LABUAN

1-29/2/24: Karnival Beli-Belah @ WP Labuan

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

1-29/2/24: Pertandingan bercucuk @ 27 kampung di Labuan



Pengguna media sosial harus bijak klik

SYED HAZIQUE

Foto: SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

PELBAGAI rintangan serta cabaran yang telah dilalui Kementerian Komunikasi dalam membantu kelangsungan hidup rakyat.

Walau bagaimanapun sedikit pun tidak melunturkan semangat menteri, Fahmi Fadzil di dalam memberikan perkhidmatan terbaik demi masa depan negara yang lebih cemerlang.

Wilayahku sempat mengadakan temu ramah eksklusif bersama Fahmi Fadzil bagi menceritakan pengalaman sepanjang perkhidmatan beliau.

Pada ketika YB memegang portfolio Menteri Komunikasi dan Digital sepanjang tahun lalu, apakah antara dasar baharu yang berjaya dicapai?

Saya rasa antara yang paling sukar tapi ada impak yang baik pada jangka masa panjang ialah memutuskan peralihan dari 'single consent network' kepada 'dual network' untuk rangkaian 5G.

Kalau kita tengok industri telekomunikasi perlu mampan dan yang membolehkan ia kekal lama ialah ada sifat persaingan. Sifat ini akan memberi ruang serta peluang untuk syarikat-syarikat telekomunikasi di negara berlumba-lumba bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Justeru itu, ia hanya berlaku untuk rangkaian 5G dan ke depan bukan dari satu sumber sahaja. Oleh kerana itu, saya nampak ia memberi kesan positif dan ia adalah satu perkara yang sukar, sebab waktu pelaksanaannya ramai yang bertanya dan pertikaikan mengapa hendak berbelanja lebih, namun syukur, dasar itu berjaya dilakukan.

Kini, dengan portfolio sebagai Menteri Komunikasi, selain bertanggungjawab memastikan setiap inisiatif kerajaan berjaya diperjelaskan kepada seluruh rakyat Malaysia, YB juga menjadi tumpuan sebagai Jurucakap Kerajaan, namun masih ramai yang menyalahkan YB kerana merasakan banyak penjelasan lambat dilakukan. Jadi, apa kekangan



di pihak YB atau Kementerian ketika ini?

Suka untuk saya nyatakan, itu adalah perkara lepas, dan isu yang dihadapi pada ketika itu ialah penyelarasan di peringkat kementerian sendiri.

Kadang-kadang butiran yang lebih spesifik perlu disertakan dan maklumat yang perlu diperolehi memakan masa sedikit di peringkat kementerian, namun, kini sejak kita selaraskan jawatankuasa kabinet untuk komunikasi strategik banyak perkara dapat diurus dengan lebih baik, dan cepat, malah ia juga membolehkan isu-isu ditangani dengan menyeluruh.

Industri media sosial di negara berkembang pesat sekali, apa komen YB?

Ya, betul, banyak input yang boleh diperolehi orang ramai hanya melalui satu klik sahaja.

Namun, saya nampak salah satu isu yang kita hadapi di platform-platform media sosial ialah diet pemikiran pengguna-pengguna media sosial.

Algorithm di media sosial mampu merosakkan diet pemikiran pengguna itu sendiri tambahan lagi dengan segelintir maklumat yang disajikan.

Malah info-info seperti kerosakan akhlak turut disajikan kepada pengguna dengan menurut algorithm yang telah pengguna itu pilih, dan ia amat merunsingkan sekali tambahan lagi anak-anak muda yang senang mendapat capaian Internet atau daftar ke dalam media sosial.

Pada saya, ia merupakan satu isu kepada cara kita berkomunikasi sekarang, ia nampak antara cabaran bukan hanya di pihak kerajaan dengan maklumat yang perlu diselarasakan namun pengguna media sosial harus bijak klik, pantauan juga harus dilaksanakan bagi memastikan keselamatan

dalam talian.

Antara perkara yang boleh dilakukan mungkin dengan cara menggubal undang-undang bagi memastikan keselamatan pengguna media sosial terutamanya kanak-kanak.

Lambakan pengguna media sosial dalam kalangan kanak-kanak bukan sahaja dihadapi di Malaysia malah seluruh negara, disebabkan itu banyak negara yang bersikap tegas terhadap platform-platform media sosial.

YB lihat apakah tapisan atau sekatan yang tegas perlu dilakukan di pihak kementerian sendiri?

Jika boleh saya tidak mahu bersikap terlampau tegas, dengan mengenakan lesen atau garis panduan perlu dipatuhi para podcaster atau pempengaruh ini, tetapi jika terlampau banyak masalah yang timbul akhirnya di pihak kementerian sendiri perlu melakukan sesuatu.

Apa yang saya perhatikan, sebagai pihak yang boleh menghasilkan bahan perlu berhati-hati dengan konten-konten yang dihasilkan, bukan hanya sibuk mengajar 'views', cuba bayangkan kesannya sehingga membawa kepada negara akibat terpesong akidah.

Jadi saya nampak kerajaan mungkin boleh pertimbangkan kenakan sekatan atau kawal selia terhadap konten-konten yang dihasilkan oleh pempengaruh-pempengaruh seperti podcaster. Sebab di kemudian hari nanti akan mendatangkan masalah jika tidak dikawal dengan betul. Kita perlu berwaspada dan berjaga-jaga sama ada kita menonton atau menghasilkan konten di media sosial.

Apakah langkah yang boleh diambil oleh pihak kementerian untuk isu ini?

Saya nampak ada beberapa perkara yang boleh dilakukan bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Saya lihat, ia bermula daripada mendidik, kalau kita fahami dengan mendalam konsep mengesahkan maklumat dengan daya pemikiran kritis, berfikir secara kritikal atau

aras tinggi saya nampak ia tidak menjadi masalah.

Selain daripada penguatkuasaan daripada pihak kerajaan serta agensi-agensi, ibu dan bapa juga perlu memainkan peranan, masyarakat juga seharusnya tidak menghalalkan penghasilan bahan yang sama ada melanggar undang-undang, hukum syarak, ataupun norma adat resam ketimuran kita.

Era digital yang semakin maju, membolehkan banyak fitnah digital palsu, penjualan data peribadi, bagaimana pihak kementerian atasi masalah ini?

Masalah ini sebenarnya dihadapi oleh kebanyakan negara, bukan di Malaysia sahaja, sebab itu, menteri-menteri yang jaga isu digital atau komunikasi maklumat atau maklumat di beberapa negara ASEAN ada kesepakatan dalam usaha mengekang masalah jenayah seperti scam, penipuan dalam talian dan banyak lagi.

Bila kita fahami konsep jenayah siber ini, banyak aktiviti contohnya scam tidak berlaku di dalam satu negara sahaja, mereka beroperasi di negara lain, justeru itu, kerjasama kesepakatan ini amat penting bagi membanteras jenayah-jenayah siber yang berleluasa kini.

Kita perlu meningkatkan keselamatan siber, tingkatkan celik digital dalam kalangan rakyat, setiap enam bulan sekali tukar kata laluan, dan segala langkah keselamatan digital buat pengguna. Perkara sebegini perlu dinormalisasikan bagi mengelakkan sebarang perkara tidak diingini berlaku.

Apakah rakyat kita peka atau celik dengan jenayah siber?

Kebanyakan pengguna media sosial di negara kita, mereka cenderung kepada celik sensasi, jika berlaku berita sensasi rakyat suka serta mudah klik mana-mana paparan.

Jenayah siber seperti scam terutamanya adalah sesuatu yang 'boring' sehinggalah jika berlakunya kehilangan duit barulah mula kelam-kabut. Kita sebagai pengguna harus celik tentang keselamatan atau jenayah-jenayah siber masa kini.

Kita perlu amalkan diet pemikiran yang sihat, jangan sibuk untuk mengejar berita sensasi sahaja yang boleh memudaratkan diri.

Apakah lambakan pempengaruh media sosial ini dilihat satu perkara positif atau negatif lebih-lebih lagi untuk kanak-kanak?

Sebenarnya, ia terpulang kepada pengguna itu sendiri, boleh saya katakan banyak sahaja pempengaruh yang membuat konten-konten positif atau berilmiah di negara yang diikuti banyak pihak.

Ia secara tidak langsung menambah ilmu pengetahuan dan input untuk diri kita juga kegunaan masa hadapan.

Apakah harapan YB di masa hadapan?

Saya mengharapkan sangat konsep 'participatory democracy' ataupun demokrasi yang kita bangunkan bersama. Ia sangat penting untuk semua yang terlibat bagi mengetahui atau membangunkan sesebuah negara itu bersama-sama antara kerajaan dan juga rakyat.

Rakyat mengharapkan perkhidmatan terbaik di situ mereka boleh mencadangkan pelbagai idea untuk kerajaan laksanakan. Justeru itu, semua pihak dapat terlibat dalam proses untuk merangka hala tuju pembangunan.

Harapan saya rakyat juga faham bahwa banyak isu bukan terletak pada kementerian atau kerajaan semata-mata, rakyat juga perlu memainkan peranan, itu boleh jadi lebih baik dan mudah kalau kita bergerak bersama.

Akhir kata, kita perlu berhati-hati dalam menerima sebarang maklumat, tak pasti jangan kongsi, semak dahulu sebelum sebar dan berhati-hati pada penjenayah siber. **WK**



Kebakaran Flat Seri Sabah

DBKL cakna nasib mangsa kebakaran

HAZIRAH HALIM

MENTERI Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** meminta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membantu memperbaiki kerosakan di bahagian luar rumah yang terbabat dalam kejadian kebakaran lima unit kediaman di Flat Seri Sabah, baru-baru ini.

Beliau berkata tugas memperbaiki kerosakan di bahagian luar rumah adalah dibawah tanggungjawab DBKL manakala bahagian dalam rumah pula adalah di atas tanggungjawab pembeli sendiri.

“Dalam masa yang sama, DBKL juga menyediakan rumah transit bagi menempatkan lima keluarga yang terlibat iaitu di Flat Seri Johor di mana kesemua mangsa mula menduduki rumah tersebut bermula 15 Februari (Khamis).

“Bagi mereka yang memiliki rumah sendiri atau dibeli, kita beri tempoh tinggal di rumah transit selama enam bulan manakala yang menyewa kita beri sehingga tiga tahun,” ujar beliau kepada pemberita ketika hadir melawat mangsa kebakaran di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri



ZALIHA menyantuni mangsa kebakaran di Flat Seri Sabah pada Selasa.

Cheras pada Selasa.

Turut hadir Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Dalam pada itu, beliau berkata Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) juga bersedia untuk bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi meningkatkan aspek penyelenggaraan sistem penggera kebakaran dan keselamatan di

perumahan awam DBKL.

“Sememangnya ia sepatutnya dilakukan dengan membuat pemeriksaan bagi memastikan sistem penggera kebakaran dan keselamatan berfungsi sewaktu kecemasan.

“Saya ingin mengingatkan kepada penduduk dan orang ramai supaya menjaga harta awam

sebab kita bimbang dalam waktu kecemasan, paip pili bomba tidak dapat digunakan kerana rosak berkemungkinan disebabkan oleh vandalisme,” katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata program kesedaran perlu diperluaskan bagi mendidik orang awam supaya tahu menggunakan alat pemadam api sebagai langkah pencegahan awal sementara menunggu ketibaan pihak berkuasa.

Pada sesi tinjauan tersebut, DBKL antara salah satu agensi kerajaan yang turut menghulurkan sumbangan wang tunai kepada keluarga terkesan dengan jumlah RM1,000 selain JWP RM5,000; Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak RM1,000; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat RM1,000 dan Jabatan Kebajikan Masyarakat RM300.

Ini menjadikan sumbangan tunai yang diterima oleh setiap Ketua Isi Rumah berjumlah RM7,300.

Pada kejadian kira-kira pukul 9 malam pada Ahad (11 Februari), lima unit rumah di tingkat 17, Blok 70, Flat Sri Sabah terbakar membabitkan 16 mangsa daripada lima keluarga terlibat. **WK**

Pasukan task force ditubuh periksa flat

SATU pasukan *task force* akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi tujuan pemeriksaan menyeluruh di flat-flat kelolaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, **Muhammad Salleh Abdul** berkata pemeriksaan yang akan dijalankan oleh pasukan *task force* tersebut adalah sebagai tindakan segera bagi meningkatkan dan memperbaiki sistem-sistem sedia ada.

“Itu adalah tindakan segera. Kita akan buat siasatan dan cadangan yang perlu untuk mempertingkatkan dan baiki sistem-sistem yang ada untuk kediaman sebegini,” katanya pada sidang media di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Cheras, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan kejadian kebakaran yang berlaku di Flat Sri Sabah pada Ahad lalu adalah berpunca daripada masalah pendawaian elektrik bermula di unit nombor tiga tingkat 17 sekali gus menafikan dakwaan bahawa ia berpunca daripada bunga api.

“Siasatan forensik yang dijalankan mengenal pasti bahawa punca kebakaran tersebut bermula di unit nombor 3 dan hasil sama dengan siasatan memang difahamkan semasa kebakaran unit tersebut ditutup di pintu depan dan belakang jadi dari segi maklumat awal pihak umum



MUHAMMAD SALLEH pada sidang media di Flat Sri Sabah.

mengatakan kebakaran disebabkan bunga api dan benda lain tu adalah tidak benar.

“Siasatan forensik kita mengesahkan kebakaran tersebut dipercayai disebabkan punca elektrik dan ia tertumpu kepada kotak agihan (DB). Kita percaya 90 peratus ia adalah punca kebakaran dan 10 peratus lagi kita sedang mengesahkan dari segi ujian teknikal bahawa itu adalah punca utama

“Bermakna ia bermula di situ dan merebak ke unit-unit kedua hingga keenam. Kedua berkenaan dakwaan bahawa pili bomba tidak boleh digunakan, kita telah berjumpa pengadu dan menjelaskan bahawa alat bantu

mula atau *hose reel* di bangunan itu yang tidak berfungsi,” katanya yang turut menafikan dakwaan penduduk mengatakan pili bomba di lokasi itu bermasalah sehingga menyebabkan kelewatan untuk memadam kebakaran.

Sementara itu, rentetan daripada kejadian kebakaran yang memusnahkan lima unit kediaman di Flat Sri Sabah pada Ahad (11 Februari) lalu, DBKL bertindak menyediakan lori tangki air sebanyak tiga kali sehari kepada seluruh mangsa yang terjejas susulan kejadian berkenaan.

Menurut DBKL, lori tangki air tersebut disediakan secara berperingkat iaitu pada sebelah pagi, petang dan malam. **WK**



Orang ramai dipelawa ke Program Teh Hijau KL

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjemput orang ramai khususnya warga kota menghadiri program Teh Hijau Kuala Lumpur di perkarangan Stadium Bola Sepak, Kuala Lumpur pada 17 Februari ini.

Bertemakan 'Dari DBKL Untuk Komuniti', acara itu merupakan program *touch point* bersama komuniti yang juga merupakan program tahunan DBKL sepanjang 2024 bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada warga kota.

Menariknya, acara yang akan bermula seawal pukul 9 pagi hingga 5 petang ini akan menampilkan pelbagai aktiviti dan pengisian program menarik

antaranya Jualan Rahmah oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), aktiviti kanak-kanak selain turut mempamerkan reruai 25 jabatan di bawah DBKL.

Terdahulu, Program Teh Hijau Kuala Lumpur yang berkonsepkan hijau rendah karbon ini akan diadakan pada hari Sabtu setiap bulan mengikut tarikh-tarikh yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Untuk rekod, program ini adalah kesinambungan daripada Majlis Pelancaran Temu DBKL dan Program Teh Hijau Kuala Lumpur baru-baru ini yang berjaya mencatat rekod kehadiran lebih 3,000 warga kota. **WK**



Adakah Akta Keselamatan Media Sosial perlu?



ZULKIFLI SULONG

MEDIA sosial telah menjadi medan utama rakyat di seluruh dunia berkomunikasi. Semua debat, wacana dan sebagainya berlaku menerusi media sosial 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan 365 hari setahun.

Pelbagai pihak menggunakan media sosial untuk menjalankan aktiviti mereka. Ahli perniagaan, penggiat sosial, aktivis politik, agama dan sebagainya menjadi media sosial sebagai medan untuk mereka mendapatkan keuntungan.

Tetapi perasan atau tidak, kita tidak mempunyai peraturan yang jelas tentang aktiviti di media sosial terutama soal keselamatannya.

Kalau di jalan raya ada peraturan keselamatannya, tetapi di media sosial, kelihatan tidak ada peraturan atau undang-undang yang jelas tentang tatacara penggunaannya.

Kalau mana-mana pihak yang melanggar peraturan di jalan raya, pihak keselamatan khususnya polis terus boleh mengambil tindakan ke atas pesalah itu.

Pesalah boleh dikejar oleh polis dan tangkapan boleh dibuat hatta mereka boleh digari dan dibawa ke balai polis untuk dibuat soal siasat.

Apakah kesalahan utama di media sosial? Ramai yang melihat ia berupa kesalahan memfitnah, mencela, mengugut dan sebagainya.

Tetapi dari segi statistiknya, kesalahan utama di media sosial adalah perbuatan menipu (*scam*), perjudian, pelacuran dan seumpamanya.

Menurut sumber, lebih 70 hingga 80 peratus kesalahan yang berlaku di media sosial adalah tergolong dalam kategori ini iaitu *scam*, perjudian dan juga

pelacuran.

Kalau di alam biasa, sesetengah kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai jenayah dan boleh ditangkap atau dikejar oleh pihak berkuasa serta-merta.

Namun sedar atau tidak, kesalahan di media sosial tidak boleh dibuat 'tangkapan' begitu. Mereka perlu dipanggil, disiasat dan jika didapati ada kesalahan baru didakwa. Itu dilakukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Ekoran itu, kerajaan sedang mengkaji dan memperkemas Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 untuk memastikan skop dan penggunaannya tidak memberi ruang untuk disalahgunakan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Teo Nie Ching berkata, skop itu termasuk penambahbaikan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan pengenalan peruntukan kepada keperluan penyimpanan, pemeliharaan dan penzahiran data trafik.

"Kerajaan ada usaha untuk mengkaji Seksyen 233, yang tertumpu kepada aspek memastikan siasatan dijalankan lebih lancar selain penambahbaikan kepada SKMM dengan pengenalan peruntukan kepada keperluan penyimpanan, pemeliharaan dan penzahiran data trafik," katanya di Dewan Rakyat sebelum ini.

Beliau berkata demikian kepada soalan Syahredzan Johan (PH-Bangi) yang menyifatkan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 sebagai bermasalah dan sering digunakan untuk tujuan politik.

Dalam pada itu, menjawab soalan asal Syahredzan berhubung statistik bilangan individu yang disiasat mengikut seksyen berkenaan, Nie Ching yang juga Ahli Parlimen Kulai berkata SKMM menerima 2,855 aduan dari 2009 sehingga 28 Februari lalu.

Daripada jumlah itu, katanya, 58

peratus adalah aduan melibatkan kandungan lucah.

"Sebanyak 574 aduan (20 peratus) pula adalah melibatkan kandungan palsu, 546 aduan (19 peratus) adalah kandungan jelik dan baki 74 aduan (3 peratus) adalah melibatkan kandungan mengancam dan sumbang," jelasnya.

Sementara itu, daripada jumlah itu, 108 kes, katanya, masih dalam siasatan dan 115 kes selesai didakwa di mahkamah.

"Sebanyak 40 kes lagi dikenakan kompaun dengan nilai keseluruhan yang berjumlah RM138,250 selain 84 kes dikeluarkan notis amaran dan 2,478 kes berstatus tiada tindakan lanjut (NFA)."

"Kes-kes yang diklasifikasikan sebagai NFA adalah disebabkan tiada bukti yang kukuh untuk mengaitkan suspek dengan, kesalahan yang disiasat di bawah seksyen 233 Akta 588," kata Nie Ching.

Bagaimana pula dengan isu keselamatan yang berlaku di media sosial. Boleh atau tidak pelakunya dikejar atau ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap polis? Polis pula adakah polis yang biasa itu atau ada polis khas di media sosial.

Bagaimana jika seseorang diugut, 'dibunuh' secara maya melalui pembunuhan karakter? Adakah orang itu boleh dikejar dan ditangkap dan dimasukkan ke dalam lokap polis?

Bagaimana pula mereka yang melakukan penipuan (*scam*), menguruskan operasi pelacuran melalui media sosial dan juga menguruskan perjudian melalui media sosial. Adakah kita mempunyai undang-undang atau peraturan yang jelas tentang keselamatan di media sosial ini. Nampaknya kerajaan perlu memikirkan tentang perkara ini iaitu Akta Keselamatan Media Sosial.

PENULIS adalah salah seorang aktivis di media sosial.



Teksi, e-hailing mana pilihan?

SAYU hati kawan-kawan Kedai Kopi apabila membaca laporan perkhidmatan teksi kini melalui waktu suram akibat saingan hebat daripada perkhidmatan e-hailing. Menurut laporan tersebut, puluhan ribu teksi di seluruh negara terkandas atau tidak lagi beroperasi kerana kewujudan e-hailing.

Lantaran itu, setelah sekian lama memandu teksi, ramai terpaksa mengubah haluan mencari sumber pendapatan lain. Memandu teksi dikatakan bukan sahaja tidak lagi menguntungkan tetapi untuk meraih pendapatan mencukupi membayar sewa dan belanja hidup pun sukar.

Sejak sekian lama teksi mewarnai pengangkutan awam, termasuk di Wilayah Persekutuan. Oleh itu, tentu menyedihkan jika teksi yang telah berjasa selama berdekad-dekad dihipit oleh saingan hebat e-hailing yang semakin menjadi pilihan ramai.

Kawan-kawan Kedai Kopi jangka keadaan di ibu kota Kuala Lumpur lebih serius. Ini kerana selain e-hailing, teksi juga terpaksa bersaing dengan pengangkutan awam lain seperti bas, Transit Aliran Ringan (LRT), Transit Aliran Massa (MRT) dan monorel.

Namun itulah yang berlaku sejajar perubahan masa. Sistem pengangkutan awam berubah dan dipelbagai bagi memberi

lebih banyak pilihan kepada orang ramai. Dalam proses ini tentu sahaja ada sektor pengangkutan awam itu terjejas, tambahan jika pilihan baharu lebih selesa dan efektif.

Inilah pandangan ramai pengguna. Mereka lebih memilih e-hailing kerana mudah ditempah dalam talian. Destinasi dimaklum atas talian, jumlah tambang diketahui lebih awal. Nama dan gambar pemandu dipapar, begitu juga nombor pendaftaran.

Ini memudahkan pengguna. Jika tidak setuju dengan tambang, boleh batal tempahan. Jika setuju, apabila kereta sampai naik sahaja. Pemandu akan membawa ke destinasi tanpa soal jawab. Kereta pula bersih luar dalam dan sangat selesa bagi penumpang.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, aspek ini wajar diberi perhatian oleh pengusaha atau pemandu teksi. Ada yang tidak menjaga penampilan dan kebersihan teksi. Teksi kemik dan cat pudar menjadi pemandangan biasa. Bahagian dalam juga tidak disusun dan dikemas dengan baik.

Kenapa pemandu teksi tidak berusaha menjadikan teksi mereka menarik? Perbaiki dan bersihkan luaran dan dalaman. Penumpang tentu tawar hati untuk menaik teksi yang kelihatan uzur dan tidak bersih.

Kendali tong sampah berhati-hati

RAMAI rakan-rakan satu taman perumahan berbisik mengenai para pekerja salah sebuah syarikat pembersihan yang dikatakan menjalankan kerja kurang teliti menyebabkan kerosakan pada tong sampah.

Daripada segi pengutipan sampah, mereka kata tidak ada masalah. Sampah dikutip menurut jadual, termasuk kutipan untuk sampah pukal sekali dalam seminggu. Sampah pukal ialah bahan buangan besar seperti kerusi meja, katil, pokok yang ditebang dan lain-lain.

Cuma mereka memberitahu kawan-kawan Kedai Kopi, selepas mengutip sampah para pekerja tidak meletakkan kembali tong sampah seperti asal. Tong-tong ini tidak dikendali dengan cermat menyebabkan ada yang retak atau pecah.

Pada masa ini, kerja kutipan sampah dilakukan pada awal pagi, dalam pukul tiga atau empat, bukan lagi di siang hari seperti dahulu. Mungkin kerana kawasan kutipan semakin luas dan perlu bermula awal agar kerja dapat dibereskan menurut waktu.

Oleh itu, para penghuni tidak dapat melihat para petugas menjalankan kerja kerana waktu itu semuanya masih lena. Namun bunyi deruan enjin lori dan tong sampah berlagu menyebabkan ada penduduk yang terjaga sewaktu enak diulit mimpi.

Tidak mengapalah asal kerja pembersihan dilakukan dengan lancar. Sekurang-kurangnya ia memberi gambaran bahawa ketika kita semua lena, di luar sana ada insan yang bersenggang mata membersihkan sampah sarap yang dihasilkan oleh setiap rumah.

Apa pun seperti diharap oleh para penduduk, pekerja pembersihan perlulah lebih 'lembut' menjalankan tugas. Letak kembali tong di tempat asal dan elak terlalu bising ketika bekerja di awal pagi.

Orang ramai pula berilah kerjasama. Bungkus dan ikat sampah kemudian masukkan dalam tong. Jika tidak muat boleh letak di sekeliling tong. Pekerja akan faham. Namun jangan meletak sampah pukal. Ia tidak akan dikutip selain pada hari ditetapkan.

Antara kopitiam dan kopi hipster



KU SEMAN KU HUSSAIN

ADA yang bertanya, apakah dengan meledaknya fenomena kedai kopi hipster yang menjadi salah satu daripada gaya hidup golongan muda, kedai kopi Cina atau kopitiam akan menuju kepupusan?

Memang benar, kedai kopi moden termasuk jenama antarabangsa tumbuh pantas sejak kurang 10 tahun dulu. Lokasinya tertumpu di pusat beli-belah dan premis yang agak mewah. Berbeza dengan kopitiam yang kekal di rumah kedai lama, klasik dan agak tersorok.

Pertanyaan tentang kemungkinan kopitiam terjejas dengan adanya kedai kopi moden adalah suatu yang tidak mudah untuk dijawab. Suatu hakikat yang penting adalah kopitiam telah teruji oleh zaman. Tradisi minum kopi dan kopitiam ada sejarah dan tradisi yang panjang.

Pada masa yang sama tradisi yang berkaitan kopi telah memainkan peranan secara tanpa sedar dalam asimilasi budaya rentas benua yang sekali gus berperanan sebagai jambatan sosial dalam kalangan pelbagai kaum.

Lalu, tulisan yang ringkas ini bukanlah untuk menjawab pertanyaan tentang kopitiam dan kedai kopi moden. Sebaliknya pertanyaan itu sendiri membenihkan hal-hal yang menarik untuk diselusuri mengenai budaya dan tradisi kopi. Misalannya istilah kopitiam itu sendiri membawa definisi kedai kopi Cina di negara ini.

Walaupun diusahakan oleh masyarakat Cina, tetapi menjadi tumpuan pelbagai kaum termasuk Melayu. Kopitiam bukan sahaja wujud di bandar besar terutama yang mempunyai populasi orang



KEDAI kopi hipster dianjak daripada kopitiam menjadi premis sosial dan ruang gaya hidup golongan muda.

Cina yang banyak seperti Kuala Lumpur. Malah sudah lama tumbuh di pekan-pekan kecil di mana populasi Melayu yang tinggi.

Orang Melayu tidak ada sebarang keraguan untuk minum atau bersarapan roti bakar dan telur separuh masak di kopitiam, walaupun orang Melayu tidak makan di restoran Cina.

Pertumbuhan kedai kopi moden sekarang ini adalah suatu perkembangan yang menarik, khususnya daripada sudut penglibatan golongan muda. Kedai kopi itu dianjak daripada kopitiam dan menjadi premis sosial dan

ruang gaya hidup golongan muda.

Kedai kopi yang diberi sentuhan reka bentuk moden dan letaknya pula di premis ternama sudah teranjak jauh daripada kopitiam. Sekalipun begitu tradisi kopitiam tidak terganggu atau terkesan dengan kewujudan kedai kopi yang moden.

Kedua-duanya mempunyai khalayak yang berbeza. Kopitiam terus menjadi tumpuan pengunjungnya – golongan yang berusia. Sementara kedai kopi moden dan berjenama terus sebagai lambang gaya hidup. Daripada sudut harga juga berbeza – kopitiam lebih murah berbanding kedai kopi moden.

Tradisi kopitiam bermula dengan migrasi orang Hainan dari kepulauan Hainan di selatan China ke Asia Tenggara pada abad ke-19. Mereka merupakan kumpulan dialek Cina yang agak lewat sampai ke Asia Tenggara berbanding dialek lain Hokkien, Kantonis dan Teochew.

Ketiga-tiga kumpulan dialek itu tiba lebih awal dan telah terlibat lama dalam bidang pertanian dan perdagangan. Kedudukan ekonomi mereka telah kukuh berbanding Hainan.

Orang Hainan terpaksa mencari pekerjaan lain terutama selepas Perang Dunia Kedua yang menjadikan keadaan ekonomi terus meleset. Hal itu menjadikan

peluang bekerja di hotel atau dengan keluarga British juga sangat berkekangan.

Ketika itulah orang Hainan mengusahakan kopitiam yang menggabungkan dua bahasa, kopi (bahasa Melayu) dengan tiam bermaksud kedai dalam dialek Hokkien. Sebab itulah di Malaysia kopitiam adalah kedai kopi Cina dan diterima oleh orang Melayu.

Kopitiam ada tradisinya dan sebab itu kebanyakannya diusahakan oleh keluarga Hainan dan diwarisi daripada generasi kepada generasi. Menu tradisi adalah telur separuh masak, roti bakar mentega dan kaya. Minuman popular adalah kopi dan teh.

ABAD KE-19

TRADISI minum kopi di negara ini pula dibawa oleh pedagang Arab dan India yang datang berdagang pada awal abad ke-19 di kepulauan Melayu di Nusantara, termasuk negara ini. Kemudiannya kopi ditanam di negara ini kerana kebetulan di beberapa tempat mempunyai tanah yang subur sesuai untuk tanaman kopi.

Statistik pada 2021 menunjukkan negeri Johor muncul sebagai peneraju pengeluaran kopi tempatan apabila menghasilkan hampir 3,000 tan kopi berbanding Sabah hanya 884 tan. Orang Arab dan India memperkenalkan kopi dan

ditanam di sini, orang Hainan pula bawa tradisi kedai kopi.

Pada tahun 2019, Malaysia mengimport 136,250 tan metrik biji kopi dan mengeksport 133,782 tan metrik produk kopi. Hal itu menjadi pemangkin gaya hidup minum kopi dan tradisi kopitiam yang sudah menyerap dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan kukuh dalam merentasi garis budaya.

Sebenarnya tradisi kopitiam yang unik itu perlu dikekalkan dan setakat ini sudah terbukti kukuh sekalipun merentasi garis zaman yang panjang. Malah kini sudah wujud banyak kopitiam yang dikekalkan tradisinya tetapi diusahakan secara yang berskala besar.

Ada pihak menganggap kedai kopi hipster itu hanya fenomena semasa dan tidak boleh bertahan lama seperti kopitiam yang panjang tradisi dan dianggap klasik.

Kemungkinan itu ada, tetapi yang penting bidang berkaitan kopi perlu dipelbagaikan – salah satunya dengan meraiikan kewujudan kedai kopi moden.

Fenomena kopi hipster itu bukan sahaja di bandar besar seperti Kuala Lumpur malah sudah sampai ke kampung-kampung. Di tepi jalan di kampung sudah berdiri banyak warung kopi yang khusus bukannya gerai seperti kebiasaannya. Pengunjungnya adalah orang muda yang membina gaya hidup bersama kopi.

Statistik oleh National Coffee Association menunjukkan golongan berusia 18 hingga 24 tahun meningkat daripada 34 menjadi 48 peratus pada 2016 berbanding lapan tahun sebelum itu. Golongan berusia 25 hingga 39 tahun peningkatan dari 51 pada 60 peratus.

Kajian lain pula menunjukkan kadar minum kopi di negara ini mencatat kenaikan mendadak. Misalnya pada tahun 2021 mencatat purata seorang penduduk negara ini minum 107 cawan kopi berbanding 52 cawan empat tahun sebelum itu. Meningkat sekali ganda dalam masa empat tahun.

Statistik itu tentunya suatu yang positif dan disumbangkan oleh gelembung kedai kopi hipster. Masa yang sama kopitiam pula terus lestari dengan tradisi dan pengemaran yang setia. Terus kekal klasik dan ada nilai sentimental.

Orang muda pula banyak memaparkan keberadaan mereka di kedai kopi hipster yang mewah di media sosial. Sementara yang lebih berusia terus ke kopitiam tanpa menghebahkan kepada sesiapa.

Itulah bezanya antara orang muda dan tua dalam menzahirkan ekspresi tentang kopi. Satu golongan menjadikan kopi sebagai lambang gaya hidup dan satu lagi meletakkan kopi sebagai pelengkap kehidupan.

RAGAM KOTA

F#minor

AKU TAK PUAS HATI LANGSUNG DENGAN TIGA PENALTI NI...

TAK PATUTI TAK ADIL...

NAK BUAT MACAM MANA.

DAH REZEKI QATAR NAK MENANG DENGAN GOL PENALTI... WALAUPUN JORDAN MAIN BAGUS

ERR... PAKCIKI NI FASAL PENALTI LEBUHRAYA. BUKAN BOLA.
1. 'PENALTI' LARI LAJU,
2. 'PENALTI' IKUT LORONG KECEMASAN...
3. 'PENALTI' GUNA TELEFON SEMASA MEMANDU...
HIHEEHE... CUTI MINGGU LEPAS...



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya. Te: 03-8861 5260 E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

WK2

Bil 250 .16-22 FEBRUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

Telang

HERBA CEMERLANG



Rahsia di sebalik bunga biru

HAZIRAH HALIM
Foto: **SYUQQREE DAIN**
Video: **HASIF HALIMI**

BUNGA telang atau nama saintifiknya *Clitoria Ternatea* merupakan sejenis bunga yang berfungsi sebagai pewarna semula jadi mengandungi pelbagai manfaat untuk kesihatan tubuh badan termasuklah makanan dan minuman.

Memandangkan bunga tersebut memiliki potensi yang besar maka ia dikomersialkan sebagai aktiviti penanaman yang boleh menjana pendapatan termasuklah dalam kalangan komuniti di Taman Herba LA21 KL di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai.

Menurut Pengerusi Taman Herba Local Agenda 21 Kuala Lumpur (LA21 KL) merangkap Jawatankuasa Induk Kebun Kejiranan Bandar, **Mohd Fikri Mohd Bakri**, projek bunga telang telah dimulakan sejak tahun 2015 dan melalui beberapa kali proses penyelidikan dan pembangunan (R&D).

“Buat masa ini, di bawah LA21 Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kita dapati 70 peratus merangkumi 46 kebun komuniti menanam bunga telang namun data sebenar

masih lagi sedang dikumpulkan.

“Secara amnya, bunga telang di Malaysia mendapat sambutan. Disebabkan itu, kita mahu ia dikeluarkan secara sosial atau percuma kepada penduduk di sini supaya mereka juga boleh menanam bunga telang,” katanya.

Ditanya tentang khasiat tanaman ini, Mohd Fikri berkata transformasinya dalam masakan juga mempunyai khasiat yang tinggi biarpun telah diolah.

“Misalnya, kelopak biru cerah di bahagian bunga ini telah digunakan sebagai bahan dalam minuman teh herba di seluruh rantau selama berabad tahun. Ia turut digunakan sebagai pewarna masakan seperti nasi kerabu dan minuman.

“Selain itu, banyak kajian juga telah mendapati, teh bunga telang juga memberi banyak manfaat dari segi ingatan (memori) dan boleh mengurangkan tahap dua jenis gula dalam darah iaitu galactosidase dan *ax-glucosidase*,” katanya.

Taman Herba LA21 KL Raya Permai merupakan satu-satunya taman herba ikonik terbesar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang menghasilkan bunga telang pelbagai jenis pokok herba, sayur-sayuran dan buah-buahan.

Berkeluasan dua setengah ekar, taman ini beroperasi pada 17 Jun 2012 dan dirasmikan oleh Datuk Seri Ahmad Phasal Talib yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

TAMAN HERBA IKONIK

MENARIKNYA, lebih 100 jenis pokok herba ditanam di taman ini selain bunga telang antaranya mahkota dewa, serai wangi, tongkat ali dan pelbagai lagi.

Menurut ahli jawatankuasa Taman Herba LA21 KL Raya Permai, Mohamad Nasir Abdul Wahid, 59, penanaman bunga telang di kawasan tersebut telah diusahakan sejak tahun 2015.

“Kini terdapat 15 pokok bunga telang yang masih disemai. Ia membiak secara keratan batang atau biji di mana sifatnya adalah menjalar dan sesuai untuk tanaman pagar.

“Untuk menyemai, biji benih perlu direndam dalam air selama tiga hingga empat jam sebelum disemai dalam tanah. Biasanya, benih akan mula bercambah selepas tujuh hingga 14 hari manakala keratan batang boleh disemai


dalam pasir yang basah atau lembap.

“Apabila sudah matang, warna biji ini akan berubah menjadi coklat dan paling utama adalah tumbuhan ini perlu sentiasa dipotong rantingnya bagi memastikan ranting baru yang akan tumbuh tidak terbantut,” katanya biji bunga telang dipercayai boleh melebatkan dan mengilatkan rambut.

Tambah Mohd Nasir, taman herba tersebut juga dijadikan sebagai tempat penyelidikan oleh pelajar-pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), penyelidik antarabangsa serta lain-lain lagi.

“Ketika ini pihak taman herba sedang dalam usaha untuk mengkomersialkan tanaman bunga telang dan lain-lain di pasaran bahkan produk makanan berasaskan bunga telang juga akan dipromosikan.

“Kami sentiasa bekerjasama dengan DBKL untuk mempromosikan produk bunga telang misalnya melalui Program Teh Hijau Kuala Lumpur di mana pada program seterusnya (17 Februari) kita akan perkenalkan menu baharu iaitu Nasi Lemak Bunga Telang,” katanya yang berharap ia dapat membantu meningkatkan hasil ekonomi Taman Herba pada masa hadapan. **WK**




IMBAS
KOD QR
UNTUK
MENONTON
VIDEO





ANTARA menu yang dibuat berasaskan bunga telang.



BENIH bunga telang akan bercambah selepas tujuh hingga 14 hari.

Pewarna semula jadi penghias juadah kegemaran ramai

DIJADIKAN pewarna dan penghias makanan, bunga berwarna biru ini cukup sinonim dalam masakan lebih-lebih lagi bagi makanan kegemaran ramai dari negeri Pantai Timur iaitu nasi kerabu.

Berkongsi lanjut mengenainya, Timbalan Pengerusi Taman Herba, Projek Perumahan Rakyat (PPR) Raya Permai, **Nor Khairunnisa Mohamad Tahir**, 40, berkata pelbagai produk makanan dan minuman berasaskan bunga telang boleh dihasilkan selain nasi kerabu.

“Antaranya kuih seri muka telang, pulut sekaya, roti jala, nasi minyak bunga telang, kek, puding dan agar-agar. Bagi minuman pula, ia amat mudah dihasilkan di mana bunga yang sudah dikeringkan direndam terlebih dahulu sehingga air tersebut bertukar warna.

“Syaratnya, untuk apa jua jenis masakan

makanan atau minuman, bunga telang perlu direndam dengan menggunakan air panas, jika tidak ia akan mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan warna,” katanya masakan berasaskan bunga telang turut dijual di Taman Herba PPR Raya Permai.

Tambahnya air lemon herba bunga telang merupakan antara minuman popular dalam kalangan orang ramai.

“Ia sentiasa mendapat sambutan tatkala kami mengikuti program-program anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau komuniti setempat,” ujarnya berharap bunga telang akan menjadi fenomena baharu dalam kalangan masyarakat.

Sementara itu, cef masakan melayu di Hotel Pulse Grande, Hasnaerdawaty Md Hanapi pernah mengetengahkan masakan bunga telang di khalayak ramai termasuklah

dijadikan menu utama dan istimewa tatkala dihidangkan kepada golongan atasan.

Antara menu berasaskan bunga telang yang pernah dibuat olehnya adalah nasi minyak bunga telang, roti jala bunga telang, puding kastard bunga telang dan air minuman.

“Ia bukan sahaja mencantikkan warna dalam masakan malah mengandungi pelbagai jenis khasiat. *Insha-Allah* jika berkesempatan untuk mengetengahkan lagi produk bunga telang ini, saya berharap agar transformasi ini memberi manfaat kepada mereka yang gemar memasak,” jelasnya. WK



RESIPI ROTI JALA BUNGA TELANG

BAHAN-BAHAN

- 3 cawan tepung gandum
- 3 cawan air (termasuk air bunga telang)
- 1 biji telur
- 2 sudu besar minyak masak
- Garam
- Bunga telang (secukupnya)

CARA PENYEDIAAN

1. Rendam bunga telang dengan menggunakan air panas.
2. Setelah air bertukar menjadi warna kebiruan, tapis dan ambil air.
3. Bancuh semua bahan (tepung gandum, telur, garam) bersama air bunga telang.
4. Kacau dengan menggunakan *whisk* sahaja. Kemudian tapis dan masukkan ke dalam bekas untuk memulakan proses menjala roti.
5. Roti jala sedia untuk dihidang bersama kuah kari ayam atau susu untuk rasa lebih sedap.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim beramah mesra dengan masyarakat Cina di Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur.

Tahun naga lambang kebahagiaan

SHUAIB AYOB

TAHUN Baru Cina disambut dengan meriah penuh istiadat dan tradisi oleh masyarakat Tiong Hua selama 15 hari. Ia melambangkan permulaan tahun baru mengikut kalendar lunar.

Dalam masa yang sama, pada awal tahun baru juga terdapat Festival Musim Bunga di China di mana festival ini merupakan perayaan yang terpenting dalam kehidupan kaum ini. Pelbagai pesta perayaan diadakan bagi meraikannya.

Di Malaysia memandangkan kaum Cina merupakan populasi kedua terbesar di negara ini. Tahun Baru Cina terbahagi kepada kitaran 12 tahun bersempena zodiak Cina (berdasarkan haiwan). Tahun ini giliran tahun naga yang menjadi lambang kekuatan dan karisma.

Tidak ketinggalan menyaksikan kemeriahan Sambutan Tahun Baru Cina, Lensa *Wilayahku* sempat merakamkan suasana di Guan Di Temple Chinatown, Petaling Street dan Thean Hou Temple baru-baru ini. **WK**



TAHUN naga disambut meriah seluruh negara.



SUASANA sambutan Tahun Baru Cina di Thean Hou Temple.

Minyak zaitun dara EV00 galak pemakanan sunah

DEEL ANJER

KHEBATAN khasiat minyak zaitun dara sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Malah banyak kajian membuktikan makanan sunnah tersebut yang diambil secara konsisten dalam diet harian memberi kesan positif terhadap kesihatan.

Rentetan daripada itu, terdapat banyak lambakan produk tersebut di pasaran sehingga sukar untuk menilai mana yang tulen atau palsu. Paling membimbangkan ia dikhuatiri memberi kesan buruk kepada tubuh badan.

Faktor tersebut mendorong Minyak Zaitun Dara, Extra Virgin Olive Oil (EVOO) untuk membuktikan kepada pengguna bahawa produk yang dikeluarkan oleh mereka tulen berdasarkan kajian saintifik yang dijalankan.

Menurut Pengarah Urusan Olive Jardin Marketing, **Muhd Shakir As-Salam Ya**, cabaran besar yang dihadapi adalah sebilangan besar pengguna tidak tahu menilai mana yang tulen atau tidak.

"Kesedaran pengguna dalam membezakan kualiti dan menilai perbezaan kelas minyak zaitun dara masih jauh kebelakang. Hanya mereka yang mengamalkan pengambilan minyak zaitun dara (EVOO) secara konsisten dalam diet harian faham akan kesan positifnya terhadap kesihatan.

"Saya berharap, rakyat di negara ini dapat merasai dan memahami rasa EVOO berkualiti yang saya rasai sewaktu menuntut di Morocco. Disebabkan itu, kita menjalinkan kerjasama dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) melalui dokumen perjanjian persefahaman (MoU) untuk menjalankan kajian



MUHD SHAKIR (kiri) ketika sesi pertukaran dokumen MoU bersama Naib Canselor UniZA, Profesor Datuk Dr Fadzli Adam.

selama sembilan bulan bermula 1 Januari 2024.

"Ia bagi membuktikan keberkesanan minyak zaitun tuaian muda berhadapan dengan pengurusan penyakit metabolik," ujar beliau hasil kajian akan diterbitkan di dalam jurnal dan dikongsi dengan semua pihak yang berkenaan.

Tambahnya, Olive Jardin sentiasa berusaha menyediakan maklumat tepat bersandarkan data saintifik bagi memastikan pengguna mendapat maklumat selari dengan dapatan kajian terkini.

"Kami memiliki Jabatan Kajian dan Pembangunan (R&D) diketuai Dr Suhana Samad selaku ahli oleokimia yang sentiasa menjalankan kajian di dalam pemilihan, perincian dan produk yang kami pasarkan.

"Cuma apabila menyebut pembuktian saintifik, ia memerlukan

fasiliti dan kolaborasi dari institusi seperti Fakulti Perubatan UniZA terutama kajian klinikal.

"Maka menerusi kerjasama ini, kami saling menyumbang kepakaran dan sumber demi merealisasikan usaha ujian klinikal ini. Apa yang lebih menarik, ia merupakan kajian klinikal pertama di Malaysia yang dilakukan bersama universiti awam negara kita terhadap minyak zaitun dara tuaian muda.

"Ini adalah usaha kami untuk mendidik masyarakat. Semoga usaha kecil ini mampu menggalakkan amalan makanan sunnah dalam masyarakat Malaysia," katanya lagi.

Sehingga kini, hanya Zouitina Prestige yang memaparkan sijil analisis makmal di setiap kotak atau botol minyak zaitun bagi memudahkan pengguna mendapat kepastian status *extra virgin*," ujar beliau. **WK**



MAZLINA menunjukkan produk soft toys yang dihasilkan.

'Soft toys' bawa tuah

BERMULA dengan hobi, seorang suri rumah berjaya menjadikan minat menjahit sebagai sumber pendapatan dengan menghasilkan produk kraf soft toys iaitu mainan kanak-kanak yang dibuat daripada batik dalam pelbagai saiz, warna dan bentuk.

Mazlina Abdul Majid, 51, dari Kampung Rim berkata sehingga kini kira-kira 10,000 mainan dihasilkan sejak dia memulakan perniagaan kraf itu kira-kira empat tahun lepas.

Menjadikan sebuah bilik dalam rumah sebagai bengkel menjahit, dia turut dibantu dua pekerja bagi menghasilkan mainan kanak-kanak itu selain beberapa produk kraf lain seperti batu seremban, rantai kunci dan pelitup muka.

"Lebih istimewa mainan ini juga beridentitikan Melaka pada cap batik dan bentuk kancil selain terdapat bentuk seperti dinosaur, arnab, kucing, burung hantu dan lain-lain yang selamat digunakan untuk kanak-kanak selain sesuai dijadikan cenderamata.

"Saya amat menitikberatkan

kualiti pada setiap produk dihasilkan berbanding kuantiti bagi memastikan kepuasan pembeli dan produk itu tahan lasak," katanya kepada pemberita selepas ditemui pada Program Craft Media Tour.

Menurut ibu kepada enam cahaya mata itu, dia sebelum ini bekerja di kilang namun terpaksa berhenti disebabkan menghadapi masalah *slipped disc* dan kemudiannya mengikuti kursus menjahit pada 2019 menerusi program *quick win* anjuran sebuah daripada agensi kerajaan selain mendapat bimbingan Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia).

"Alhamdulillah dalam tempoh empat tahun ini Kraftangan Malaysia banyak membantu dari segi bantuan kewangan, pengeluaran, bahan dan pemasaran sehingga produk kraf ini semakin dikenali," ujarnya setiap mainan dan produk kraf itu dijual dengan harga serendah RM12 hingga RM120 mengikut saiz dan jenis. - **BERNAMA**

PENGIKLANAN AKHBAR

MUKA PENUH
26 cm x 32 cm

SEPARUH MUKA
26 cm x 16 cm

SUKU MUKA
13 cm x 16 cm

PANEL BAWAH
26 cm x 6 cm

PENGIKLANAN DIGITAL

Home page Under headline
Size: W: 7 x H: 90-200 pixel

Page: Berita Iklan 1
Size: W: 250 x H: 250 pixel

Page: Berita Antara 2
perenggan berita size: W: 250 x H: 250 pixel

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT
Untuk khidmatan rundingan pengiklanan sila hubungi:
03-8861 5260

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

X

FACEBOOK

INSTAGRAM

TIKTOK



YOUTUBE

TELEGRAM

THREADS

WEB PORTAL



**IMBAS KOD QR
UNTUK IKUTI
MEDIA SOSIAL
RASMI
WILAYAHKU.**

www.wilayahku.com.my





ANTARA aktiviti karnival tahun lalu yang diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan mendapat sambutan menggalakkan khususnya daripada warga Wilayah Persekutuan.

Karnival MAIWP 2024

20,000 pengunjung dijangka hadir

BERSEMPENA Jubli Emas 50 tahun Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) akan mengadakan program karnival untuk memperkasa nilai kebersamaan antara semua pihak di samping mempromosi fungsi dan aktiviti MAIWP serta agensi-agensi yang terlibat.

Bertemakan 50 Tahun Memacu Kegemilangan Ummah, Karnival MAIWP 2024 bakal diadakan bertempat di Taman Tasik Titiwangsa pada Ahad ini (18 Februari) bermula pukul 8 pagi sehingga 11 malam.

Ikuti temu bual wartawan *Wilayahku*, **Diana Amir** bersama Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, **Datuk Mohd Nizam Yahya** mengenai aktiviti-aktiviti menarik yang akan diadakan sepanjang karnival tersebut berlangsung.

Apakah matlamat penganjuran karnival pada kali ini? Adakah ia julung kali diadakan?

Apabila sebut nama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan khususnya di Wilayah Persekutuan ini, masyarakat kebanyakannya mengenali kita hanya daripada aspek memberi bantuan zakat sahaja. Justeru itu, antara objektif utama Karnival MAIWP 2024 adalah untuk memasyarakatkan MAIWP secara menyeluruh bersama komuniti setempat khususnya.

Fungsi MAIWP cukup besar, bukan sekadar mengagihkan bantuan malah lebih daripada itu. Kita nak tonjolkan kepada masyarakat bahawa MAIWP ini memainkan peranan dalam pelbagai aspek sama ada dalam aspek pendidikan, keusahawanan, kesihatan dan sebagainya.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengumpulkan masyarakat di Wilayah Persekutuan terutamanya golongan asnaf dan berpendapatan rendah (B40) untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang diadakan. Ia juga memberi peluang kepada

komuniti untuk menikmati manfaat yang ditawarkan, memperkasa nilai kebersamaan antara semua pihak di samping mempromosi fungsi serta aktiviti MAIWP dan agensi-agensi terlibat.

Untuk pengetahuan semua juga, Karnival MAIWP 2024 merupakan penganjuran kali kedua di mana Karnival MAIWP kali pertama telah diadakan pada tahun 2023 bertempat di Dataran Merdeka.

Apakah tarikan utama penganjuran Karnival MAIWP pada tahun ini?

Istimewanya ia bersempena Sambutan 50 Tahun MAIWP yang jatuh pada 1 Februari tahun ini dan antara pengisian program adalah MAIWP Fun Run yang akan disertai oleh seramai 500 orang peserta, persembahan artis jemputan seperti Ezad Lazim, Raihan, INTEAM dan ramai lagi.

Diikuti dengan program utama perasmian Karnival MAIWP 2024 yang akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada pukul 10.30 pagi bertempat di khemah utama di mana kita juga akan mengadakan

gimik perasmian karnival serta Santunan Kasih Asnaf MAIWP.

Pihak kita akan menyampaikan bantuan makanan dan juga pakaian serta peralatan persekolahan.

Di sebelah malam pula, akan diserikan dengan Malam Kesenian Islam seperti MAIWP Berselawat yang dijangka dihadiri oleh seramai 1,000 orang jemputan.

Berapakah sasaran pengunjung Karnival MAIWP dan kenapa memilih lokasi tersebut?

Sasaran kita adalah seramai 20,000 pengunjung di mana kita menyasarkan mereka yang merupakan penduduk di Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Walau bagaimanapun, kita mengalu-alukan orang ramai untuk turut menghadiri serta memeriahkan program tambahan pula sekarang adalah musim cuti sekolah, jom ramai-ramai ke Karnival MAIWP 2024.

Pemilihan lokasi adalah kerana Taman Tasik Titiwangsa merupakan kawasan tumpuan yang sering dikunjungi oleh penduduk di ibu kota Kuala Lumpur. Lokasi ini dapat menarik ramai pengunjung untuk hadir untuk menikmati pelbagai aktiviti yang akan disediakan pada Program Karnival MAIWP.

Antara rakan strategik yang turut bekerjasama dengan MAIWP?

Penganjuran pada

kali ini dilaksanakan dengan kerjasama bersama anak syarikat MAIWP serta kerjasama strategik bersama agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Hospital Pusrawi, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dan Pusat Pungutan Zakat MAIWP.

Apakah antara aktiviti dan pengisian menarik pada karnival tersebut?

Sebanyak 90 reruai yang akan menghimpunkan usahawan asnaf, pengengaruh media sosial, selebriti, Institusi Pendidikan MAIWP dan rakan korporat MAIWP dalam satu program berskala besar, Jualan Rahmah Madani, Persembahan percussion (Drum Circle), Demonstrasi Kawalan Drone, Ukulele & Koir, Bicara Berirama, Nasyid / Silat dari Institusi Pendidikan MAIWP, aktiviti kanak-kanak, persembahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Kaunter bayaran saman Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PDRM dan DBKL.

Harapan bagi penganjuran Karnival MAIWP pada tahun ini?

Karnival MAIWP 2024 adalah satu platform yang paling tepat dalam menghimpunkan masyarakat berbilang bangsa. Mudah-mudahan dengan penganjuran Karnival MAIWP 2024 ini masyarakat dapat bersama-sama dengan MAIWP dan akhirnya MAIWP dapat lebih dikenali dan terbang lebih tinggi. **WK**



PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



DAPATKAN JUGA VERSI
E-PAPER WILAYAHKU DI
WWW.WILAYAHKU.COM.MY

Kebakaran Flat Seri Sabah

YWP hulur bantuan asas

HAZIRAH HALIM

SUSULAN kejadian kebakaran membabitkan lima rumah di tingkat 17, Blok 70 Flat Sri Sabah, Cheras pada malam Ahad lalu, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) tampil menghulurkan bantuan kepada lima keluarga mangsa terlibat.

Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, **Rohani Hussin** berkata sumbangan tersebut diberikan bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa di samping membantu melengkapkan keperluan asas harian mereka.

“Kami amat terkesan dengan musibah yang menimpa keluarga mangsa kebakaran. Difahamkan, satu keluarga berbangsa India dan empat keluarga lain berbangsa Cina di mana ia memberi kesan terutama dari aspek emosi memandangkan kejadian tersebut berlaku dalam tempoh sambutan Tahun Baharu Cina.

“Justeru itu, pihak YWP berbesar hati menghulurkan bantuan berupa kit bencana meliputi barangan keperluan asas kepada setiap keluarga mangsa bencana berkenaan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Serahan Sumbangan kepada mangsa



ROHANI (kanan) pada Majlis Serahan Sumbangan kepada mangsa kebakaran di PPS SK Seri Cheras.

kebakaran di Pusat Perkhidmatan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Seri Cheras, Kuala Lumpur.

Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Timbalan Menteri Pembangunan

Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad; Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk

Azman Abidin.

Mengulas lanjut, Rohani berkata YWP cakna akan keperluan warga kota terutama apabila dilanda musibah serta turut mengalu-alukan pihak untuk turut sama menyalurkan sumbangan kepada mereka memerlukan.

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

“Saya selaku wakil daripada YWP mengharapkan agar bantuan ini akan meringankan beban keluarga mangsa terlibat sekali gus memanfaatkan sumbangan tersebut sebaiknya,” katanya.

Terdahulu, dalam kejadian kira-kira pukul 9 malam Ahad lalu, lima unit rumah membabitkan lima keluarga musnah dalam kebakaran manakala satu lagi unit kediaman tidak terbakar. **WK**

Menara KL tingkat perkhidmatan

MENARA Kuala Lumpur akan menggiatkan usaha dalam menambah baik perkhidmatan termasuk mempelbagaikan lagi tarikan sedia ada bagi meningkatkan peratusan kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Nazli Saad** berkata ia berikutan kejayaan bangunan mercu tanda di tengah ibu kota itu yang merekodkan kedatangan pelancong hampir satu juta sepanjang tahun 2023.

“Bagi tahun 2024, Menara KL sudah menyusun atur banyak program dan aktiviti menarik. Sebagai permulaan, kita telah pun melaksanakan program Surr... In The Sky, Nasi Kandaq Festival di mana sambutannya sangat luar biasa.

“Selepas itu, pada Februari ini, kita juga mengadakan program sempena Tahun Baharu Cina manakala sebelum puasa pula, kita anjurkan sebuah program memasak bubur lambuk yang merupakan salah satu projek tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Insya-Allah ke hadapan, kita akan meneruskan program-program sedia ada dengan penambahan tarikan serta beberapa produk baharu antaranya kemudahan lif untuk individu yang menaiki kerusi roda atau Orang Kurang Upaya (OKU). Perancangan lain juga, kemungkinan kita akan perbesar bahagian *observation deck* dari aras TH01 ke aras TH04 di mana kawasannya lebih luas sekali gus boleh tampung lebih ramai orang,” katanya.



KL Towerthon Challenge antara program tahunan yang sentiasa mendapat sambutan hebat.

Ditanya mengenai cabaran persaingan pembangunan baharu di Kuala Lumpur, Nazli berkata ia sedikit sebanyak mendorong Menara KL untuk merangka beberapa strategi khususnya aktiviti dan program bagi menarik kehadiran pelancong.

“Pada awalnya, ia memang memberi cabaran buat Menara KL tapi jika dilihat, kalau orang ramai ingin melihat pemandangan Kuala Lumpur termasuklah bangunan tarikan

terbaharu iaitu Merdeka 118, mereka perlu datang ke sini juga,” katanya.

Nazli berkata Menara KL akan menawarkan lebih banyak produk baharu sebagai tarikan menarik kepada pelancong dlm dan luar negara.

Katanya, berdasarkan statistik yang direkodkan, lebih satu juta pengunjung dicatatkan namun 60 peratus daripadanya adalah dari luar negara manakala hanya 40 peratus sahaja daripada pelancong tempatan. **WK**

**Kraf identiti Malaysia**

PROGRAM tahunan anjuran Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Kraftangan Malaysia bakal mengadakan Hari Kraf Kebangsaan 2024 (HKK 2024) pada 21 Februari hingga 4 Mac.

Bermula pukul 10 pagi hingga 10 malam bertempat di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, Jalan Conlay, HKK 2024 bakal mengangkat tema Ini Kraf Malaysia bagi menyuntik kesedaran dan kecintaan masyarakat serta menambah pengetahuan terhadap produk kraf keluaran tempatan.

Menerusi perkongsian Kraftangan Malaysia, pelbagai aktiviti menarik akan disajikan kepada pengunjung khususnya peminat kraf tempatan antaranya jualan produk kraf, demonstrasi kraf, interaktif kraf, apresiasi kraf dan aktiviti galakan pengunjung iaitu persembahan kesenian, cita rasa Malaysia dan sebagainya.

Lebih menarik, HKK 2024 juga bakal menampilkan pameran-pameran kraf melibatkan Pameran Tokoh Kraf Negara 2024, Standard Kraftangan Malaysia, Pavilion Institut Kraf Negara (IKN), Produk Kraf Baharu Ini Kraf Malaysia dan Mycraftshoppe.

Justeru itu, berbaki beberapa hari sahaja lagi, orang ramai dijemput hadir bagi memeriahkan Program HKK 2024 sekali gus memberi sokongan kepada usahawan dan komuniti kraf yang terlibat secara langsung dalam memartabatkan industri kraf negara dari seluruh Malaysia. **WK**

Di manakah maruah sebagai orang Islam?

LEDAKAN kemajuan teknologi maklumat yang dikecapi dunia sejak 30 tahun yang lalu telah banyak mengubah hidup manusia. Boleh dikatakan kesemua industri telah mengalami perubahan demi perubahan yang saban hari menuju ke arah satu revolusi yang dinamakan revolusi perindustrian.

Dalam tempoh yang sama juga, fenomena ini telah mengubah hidup dan budaya manusia. Gaya kerja yang cekap dan efisien, kaedah penyampaian yang semakin pantas serta komunikasi tanpa sempadan telah meningkatkan mutu dan kualiti hidup penduduk dunia yang menikmati kemajuan ini. Walaupun begitu, seperkara yang perlu disedari adalah kemajuan teknologi komunikasi ini juga telah meruntuhkan nilai hidup segelintir manusia yang menjadikannya sebagai satu platform untuk meraih keuntungan dengan menjual maruah mereka.

Hujung Januari yang lepas, seorang bapa beranak tiga yang lebih dikenali sebagai Hot Daddy bersama enam wanita yang lain telah ditangkap dan dituduh atas kesalahan memiliki dan mendedarkan video lucah. Menurut laporan akhbar, siasatan mendapati mereka keenam-enam wanita berkenaan telah melakukan hubungan seks terlarang secara sukarela bagi meraih habuan dunia semata-mata. Kemudian, rakaman tersebut dijual untuk langganan menerusi aplikasi X. Apa yang lebih menyedihkan tertuduh adalah warganegara yang beragama Islam yang dengan jelas mengharamkan segala bentuk persundalan sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Isra (17:33):

“Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Kes di atas berkemungkinan salah satu kes yang dapat dikesan pihak berkuasa sementara itu



LEDAKAN kemajuan teknologi mengubah kehidupan manusia. - Gambar hiasan

berkemungkinan masih wujud lagi pelbagai kegiatan haram sebegini yang menggunakan modus operandi yang berbeza bagi mengaburi kesalahan mereka di mata masyarakat sedangkan sezarah dari kesalahan itu pun tidak pernah dapat disembunyikan dari pengetahuan Allah SWT. Ia adalah silibus asas yang dipelajari oleh setiap pelajar beragama Islam di negara ini. Namun, bagaimana silibus asas akidah ini dihayati oleh umat Islam?

Tindakan memperdagangkan maruah diri menerusi aplikasi dalam talian adalah satu perkara yang dilihat sebagai norma terutamanya dalam kalangan masyarakat barat dan beberapa negara di Asia. Mereka yang tidak memiliki fahaman agama yang jelas serta hidup tanpa matlamat sudah pasti menjadikan dunia ini sebagai tempat untuk mengumpulkan segala kekayaan dengan penuh kerakusan tanpa mempedulikan larangan dan tegahan agama dan budaya. Bagi mereka, duit adalah motif utama yang menghalalkan segala-galanya sekalipun ia berpenghujung dengan penyesalan

dan meruntuhkan harga diri mereka.

Perbuatan ini dilihat lebih jelek berbanding haiwan yang sekalipun mereka adalah makhluk yang tidak dikurniakan akal. Kejadian seperti ini jelas digambarkan oleh Allah SWT yang merujuk kepada manusia yang tidak menggunakan akal dan pancaindera yang lain dalam mencari ketuhanan dan agama dengan firman-Nya dalam Surah al-'Araaf ayat 179:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahaminya dengannya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang-orang yang lalai.”

Justeru, mengapa budaya sesat dari Barat yang lebih menjadi pilihan kepada mereka sedangkan budaya ketimuran dan ajaran Islam

yang lebih murni serta memelihara maruah adalah pilihan yang lebih tepat bagi mencari kebahagiaan dan ketenangan?

RUNTUNAN NAFSU?

ADA pihak yang mendakwa bahawa tindakan menjual diri ini atas alasan keterdesakan hidup untuk mencari pendapatan. Namun, jika dilihat kepada latar belakang mereka yang terlibat dalam aktiviti ini bukanlah dari golongan yang miskin atau merempat sebaliknya mereka berkelulusan institusi pengajian tinggi dan bekerjaya. Adakah kerana terdesak? Atau terdesak untuk mencari kekayaan duniawi yang mudah secara segera sekalipun menjual kehormatan yang paling berharga bagi manusia yang bermaruah.

Kita sudah berada di tahun yang kedua selepas pasca pandemik yang berakhir tahun 2022 yang lepas. Peluang pekerjaan dari pelbagai sektor dan industri telah banyak dibuka yang memperlihatkan pengambilan tenaga asing yang berbondong-bondong datang ke negara ini.

Jika ingin dihitung, pengambilan guru secara *one-off* dan sektor dalam ekonomi *gig* dan yang berkaitan sudah cukup bagi menampung keperluan tenaga pekerja muda dan baharu di negara ini. Hal ini belum lagi mengambil kira pengambilan kerja secara kontrak, *ad hoc*, penggantian sementara serta jawatan kosong yang sentiasa di buka setiap tahun. Selain itu, peluang untuk latihan bagi *upskilling* juga ada untuk menambah nilai para graduan yang baru ingi mencebur dunia pekerjaan.

Mudah kata, jika pekerja asing yang datang tanpa sebarang sijil dan kemahiran pun mampu untuk menggali rezeki di negara ini, ini kan pula graduan yang memiliki segulung ijazah. Jika

masih memilih yang haram, itu bukan keterdesakan, sebaliknya ia merupakan pilihan bagi insan yang telah digelapkan hati dengan tipu daya syaitan dan duniawi. Mudah-mudahan kita dijauhkan dari tipu dayanya.

Saidina Umar al-Khattab adalah khalifah Islam kedua yang disegani oleh rakan dan musuh. Kehebatan sahsiah dan ketinggian peribadinya tidak perlu lagi diperkenalkan. Antara perkara yang menjadikan beliau sentiasa berwaspada dalam setiap tindak tanduk beliau ialah sifat *muraqabah* yang tinggi di mana beliau menyakini bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi setiap perbuatan hambanya zahir dan batin.

Tidak cukup dengan itu, beliau mengukir di cincin beliau dengan ungkapan ‘cukuplah kematian sebagai satu peringatan’ sebagai satu ingatan bahawa kehidupan ini hanyalah sementara dan akan diperhitungkan oleh Allah SWT di hari kiamat yang kelak. Manusia di kala hidup sememangnya melihat kematian dan kiamat itu amat jauh, tetapi apabila kematian datang menjelma barulah mereka tersedar, sesuai dengan ungkapan pepatah Arab manusia itu sentiasa tidur, tetapi apabila datang kematian barulah dia terjaga.

Setiap lapisan masyarakat amat menghargai tindakan dan inisiatif kerajaan dalam memelihara rakyat dan kesejahteraan di negara ini. Walau bagaimanapun, menjadi tanggungjawab kerajaan yang dipimpin oleh mereka yang beragama Islam serta masyarakat untuk sentiasa mengingatkan bahawa keperluan mencari kesenangan dan keselesaan di dunia ini hanyalah sementara manakala kehidupan selepasnya pula adalah yang kekal.

PENULIS Dr Mohd Shahid Mohd Noh merupakan Ketua, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

**ISU
BESAR**

Bakal Tiba.....

230 atlet beradu kehebatan

Labuan tuan rumah MAKSAK 2024

KHAIRUL IDIN

LABUAN terpilih sebagai tuan rumah Kejohanan Sukan Pingpong Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) 2024 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan bermula 13 hingga 19 Februari ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail**, sebanyak 15 pasukan bakal berentap pada kejohanan tersebut melibatkan seramai 230 atlet.

“Sebanyak 15 pasukan MAKSAK negeri akan menyertai kejohanan itu termasuk kontinjen Labuan yang diketuai oleh Mohd Azrien Suyadi dengan kekuatan seramai 13 atlet dan pegawai,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan Labuan kepada atlet Pingpong Labuan



RITHUAN (tengah) bersama pasukan MAKSAK Labuan selepas Majlis Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan.

di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Rithuan turut menjelaskan MAKSAK Malaysia juga akan

mengadakan dua mesyuarat iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Malaysia yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara,

Tan Sri Mohd Zuki Ali yang turut dihadiri 27 Yang Dipertua setiap negeri pada 16 Februari diikuti Mesyuarat Setiausaha Kehormat

pada 15 Februari.

Sementara itu, Mohd Azrien berkata pasukan Labuan menasaskan sekurang-kurangnya berjaya memasuki pusingan kedua untuk memperbaiki rekod tahun lalu yang terkandas pada pusingan awal.

“Pada kejohanan kali ini, perseorangan lelaki Labuan diundi dalam Kumpulan A bersama Terengganu dan Sarawak manakala perseorangan wanita diundi dalam kumpulan E bersama Pahang dan ATM.

“Bagi kategori Lelaki Veteran Labuan akan bersaing dengan pasukan dari ATM, Perak dan Perlis dalam kumpulan M dan Beregu Campuran Labuan akan berdepan dengan Selangor, PDRM dan Pahang dalam kumpulan Q,” katanya.

Terdahulu, MAKSAK Labuan dengan 18 ahli gabungan kelab di Labuan akan bekerjasama dalam penganjuran tersebut. **WK**



SAMBUTAN Tahun Baru Cina di Labuan diraikan pelbagai kaum.

Perbezaan budaya bukan penghalang silaturahmi

SAMBUTAN perayaan Tahun Baharu Cina di pulau bebas cukai baru-baru ini diraikan pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dalam suasana meriah dan harmoni.

Situasi tersebut membuktikan semangat perpaduan di pulau tersebut terus diperkukuh dan keamanan terjalin kukuh.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati hubungan kekeluargaan dan kemakmuran dapat dizahirkan menerusi majlis rumah terbuka sekali gus mengeratkan pemimpin

dan rakyat.

Selain itu, perbezaan budaya, kepelbagaian kaum dan fahaman politik bukan penghalang hubungan silaturahmi.

Ia selari dengan kepercayaan kaum itu yang berharap sambutan tahun naga ini akan membawa kesihatan berpanjangan, kebahagiaan, rezeki dan kemakmuran kepada semua.

Kebudayaan dan kesenian masyarakat Tiong Hua seperti persembahan tarian singa dan naga menjadi daya tarikan yang

amat dinanti-nantikan pelbagai peringkat umur.

Menurut salah seorang kaum Tiong Hua, Lo Pei Ling perayaan Tahun Baru Cina di Labuan meriah seperti tahun-tahun sebelumnya.

“Meskipun berlainan kaum dan agama namun semua lapisan masyarakat di sini turut bersama-sama meraikannya. Saya amat berbangga dengan keadaan tersebut kerana kami berjaya merapatkan hubungan antara satu sama lain,” ujarnya. **WK**

Bangunan baharu kastam tingkat penguatkuasaan

BANGUNAN baharu milik Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Labuan di kawasan perindustrian syarikat logistik Asian Supply Base (ASB) Sdn Bhd dilihat mampu meningkatkan penguatkuasaan pengoperasian industri minyak dan gas di pulau tersebut.

Berkeluasan 42 kaki persegi itu yang siap dibina pada Disember lalu memabitkan peruntukan kewangan berjumlah RM270,000 dilengkapi dengan ruang pejabat dan kemudahan fasiliti lain.

Kemudahan pengoperasian bangunan tersebut bertujuan memudahkan proses pemeriksaan dan pengurusan dokumentasi daripada

syarikat-syarikat yang melakukan aktiviti pemunggaan serta memantau barang-barang logistik yang dibawa masuk dan keluar.

Terdahulu, bangunan baharu itu telah diserahkan secara rasminya oleh ASB Sdn Bhd yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Japar Esteban kepada Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah, Datuk Mohd Nasir Deraman.

Hadir sama Pengarah JKDM Labuan, Aspalila Ag Tuah.

Pada sesi tersebut, Mohd Nasir serta delegasi berkesempatan meninjau dan mendengar taklimat mengenai pengoperasian yang dijalankan di kawasan perindustrian tersebut. **WK**



JAPAR (tiga dari kiri) dan Mohd Nasir (empat dari kiri) semasa Majlis Penyerahan Bangunan Baharu JKDM.

Seminar Kebangsaan Pengurusan Mampan Tasik dan Wetland

PPj tumpu kelestarian bandar mampan

SABRINA SABRE

LEBIH 250 orang peserta dari pelbagai agensi menyertai Seminar Kebangsaan Pengurusan Mampan Tasik dan Wetland yang diadakan di Dewan Seri Melati, Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3 baru-baru ini.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland PPj, **Normaliza Noordin**, seminar yang berlangsung selama tiga hari itu menjadi platform perkongsian ilmu dan pengalaman pihak pengurusan bersama komuniti, rakan kongsi strategik, pemegang taruh (*stakeholders*) serta orang ramai untuk menyedari peri pentingnya nilai perkhidmatan ekosistem.

“Di samping itu, terdapat aktiviti sampingan lain seperti pembentangan kertas kerja secara pameran poster, kiosk produk ekopelancongan Putrajaya, pameran poster status ekologi Tasik dan Wetland Putrajaya, pameran poster *nature-based solution* oleh pemaju dan pameran kesedaran awam - kepentingan ekosistem oleh WWF-Malaysia, Wetland International dan lain-lain.

“Para peserta juga mendapat



SEBAHAGIAN peserta Seminar Kebangsaan Pengurusan Mampan Tasik dan Wetland.

input pengalaman pengurusan badan air melalui penyelesaian masalah, penilaian ekonomi dan penambahbaikan servis ekosistem.

“Ia diharap dapat memupuk rasa *sense of belonging* dan tanggungjawab dalam kalangan masyarakat untuk bersama bertindak dan mengambil bahagian bagi memastikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dapat dilaksanakan dengan jayanya,” ujar beliau.

Normaliza berkata sebanyak 27 kertas kerja dibentangkan termasuk tiga kertas kerja uaputama. Antara topik seminar yang dibincangkan adalah Pengurusan Mampan Ekosistem dan Sumber Air, Penilaian Ekonomi Perkhidmatan Ekosistem, Kepelbagaian Biologi Flora dan Fauna, Perancangan Bersepadu dan Pembangunan Mampan serta Ekopelancongan.

“Perkara penting yang diketengahkan dalam seminar

tersebut adalah berkaitan Nilai Ekonomi Perkhidmatan Ekosistem. Ekosistem berharga ini turut menjadi habitat haiwan terancam dan dilindungi. Sebagai contoh, eksploitasi yang berlebihan mengakibatkan berlakunya ancaman terhadap *wetland* sehingga kawasan berkenaan berubah fungsi tanah. Keadaan yang semakin buruk mengakibatkan pencemaran, ancaman spesies asli, amalan akuakultur tidak mesra alam serta

kemusnahan secara total.

“Justeru itu, Penilaian Ekonomi Perkhidmatan Ekosistem menjadi ‘alat penting’ bagi menganggarkan harga dalam bentuk wang ringgit agar kepentingannya dapat difahami oleh semua lapisan masyarakat,” ujarnya pada masa ini, Tasik dan Wetland Putrajaya merupakan satu-satunya Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO di Malaysia sejak tahun 2011.

Dalam masa sama, Normaliza berkata pihaknya berbangga kerana Tasik dan Wetland Putrajaya diuruskan dengan baik selain mendapat pelbagai anugerah berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuklah pengiktirafan sebagai Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO sejak tahun 2010.

“Produk ekopelancongan Tasik dan Wetland termasuk *Cruise* dan Perahu Dondang Sayang, GL@W Glamping, Wetland Studios, Pusat Rekreasi Air, Pantai Floria juga kini semakin menjadi kegemaran ramai,” ujarnya seminar bertemakan *Wetlands and Human Wellbeing* itu turut mendapat kerjasama daripada lebih 25 buah rakan strategik. **WK**

Rebut gelaran Lake Warrior 2024

ORANG ramai dijemput untuk menyertai acara Putrajaya Lake and Wetland (PLW) Explorace 2024 yang diadakan di Padang Semarak, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya pada 2 Mac ini.

Peserta terlibat bakal berentap dalam dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori terbuka dan kategori Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi merebut gelaran Lake Warrior 2024.

Program edisi ke-11 yang dianjurkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan sokongan daripada UNESCO-IHP Malaysia di bawah Jawatankuasa Pendidikan, Latihan dan Penerangan Awam itu diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam kepada orang awam khususnya generasi muda berhubung Tasik dan Wetland Putrajaya.

Di samping itu, ia dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan bagi melindungi dan menjaga sumber air bersih serta kepelbagaian biologi akuatik melalui pengurusan secara mampan dalam menghadapi cabaran pengurusan sumber air yang semakin kompleks.

Dalam masa sama, acara tersebut juga dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani serta mewujudkan rasa kekitaan dalam kalangan peserta bersama-sama dengan PPj dalam menguruskan Tasik dan Wetland Putrajaya.

Peserta perlu melalui perjalanan sejauh 15 kilometer (km) dan melaksanakan 15 tugasan bagi melengkapkan cabaran termasuklah aktiviti *lake crossing* di Central Wetland dan cabaran *fear factor* yang bermula seawal pukul 7 pagi hingga 5 petang. Setiap pasukan wajib melalui semua *checkpoint* dengan menyelesaikan semua tugasan yang diberikan.

Reka bentuk tugasan yang disediakan dalam cabaran tersebut turut memberi peluang kepada peserta untuk lebih mengenali spesies burung, ikan, tumbuhan, serangga, meneliti kualiti air dan sebagainya.

Bagi setiap kategori, pemenang tempat pertama akan dianugerahkan gelaran Lake Warrior 2024 selain membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM3,000 manakala tempat kedua mendapat RM2,000,

tempat ketiga menerima RM1,000 dan RM200 untuk tempat keempat sehingga ke-20 yang mana masing-masing akan membawa pulang sijil dan medal.

Selain itu, hadiah wang tunai sebanyak RM300 bagi pasukan lelaki, wanita dan campuran terbaik turut disediakan.

Lebih menarik, peserta bertuah juga bakal menerima

hadiah cabutan bertuah berbentuk barangan dan wang tunai yang keseluruhannya berjumlah melebihi RM5,000.

Bagi mereka yang berminat untuk mendaftar dan ingin mengetahui maklumat lanjut, boleh imbas kod QR yang tertera atau layari laman sesawang <https://shorturl.at/iFKN0>. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 23 Februari ini. **WK**



PENGUNJUNG meluahkan masa memancing.

Port kaki pancing

PASTI ramai yang teruja apabila pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan pembukaan Kolam Ikan Taman Warisan Pertanian di Presint 16 pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Dalam masa sama, lokasi port kaki pancing tersebut dijangka mendapat sambutan menggalakkan sekali gus membantu menjana ekonomi Putrajaya.

Bayaran untuk harga tiket pula adalah RM10 sejam. Tangkapan boleh dibawa pulang terhad kepada lima ekor ikan sahaja.

Menariknya, pengunjung tidak perlu membawa joran dan umpan kerana telah disediakan oleh pihak PPj. Pengunjung turut dinasihatkan untuk menggunakan jalan masuk ke Kolam Taman Warisan Pertanian menggunakan pintu belakang taman iaitu berhadapan Stesen Minyak Shell, Presint 16.

Selain itu, waktu operasi kolam pula dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi 1: 9 hingga 12 tengah hari dan sesi 2: 3 hingga 6 petang pada setiap hari Sabtu dan Ahad.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh hubungi talian **014-825 5772** atau layari laman Facebook @PutrakopKoperasiPPJ dan Instagram @Putrakopofficial. **WK**



FAKRUL (tengah) memecahkan rekod 400m lari berpagar kebangsaan pada Kejohanan Olahraga Asia B20 tahun lalu.

Fokus perbaharui catatan masa ketiga terbaik

Fakrul idam beraksi di Sukan SEA 2025

SABRINA SABRE

PERMATA baharu arena olahraga negara, **Muhammad Fakrul Afizul Nasir**, 20, memasang impian untuk melayakkan diri secara merit ke Sukan SEA Bangkok 2025.

Meskipun mengakui ia tidak mudah, namun dia sudah membuktikan tiada apa yang mustahil untuk dicapai selepas berjaya memperbaharui rekod kebangsaan acara itu tahun lalu.

Berlatih di bawah bimbingan Amirul Naim Abdul Ghani mencetuskan sensasi apabila dia mencipta rekod baharu kebangsaan dengan catatan 51.26 saat (s) ketika Kejohanan Remaja Asia Bawah 20

Tahun di Korea Selatan, Jun tahun lalu.

Fakrul memadam rekod lama berusia 18 tahun milik Mohd Shahadan Jamaluddin ketika melakukannya di Sukan SEA Manila 2005 dengan catatan 51.28s.

Bagi layak secara merit ke Bangkok, Fakrul perlu sekurang-kurangnya melepasi catatan masa ketiga terbaik Sukan SEA Kemboja iaitu 50.75s.

“Misi saya adalah untuk melayakkan diri ke Sukan SEA Bangkok. Catatan saya ketika ini berada di kedudukan keempat terbaik dan saya masih belum layak.

“Namun, saya akan cuba berusaha ke arah itu kerana ia adalah hasrat saya untuk beraksi

di pentas itu nanti,” ujar atlet 400 meter (m) lari berhalangan lelaki negara itu.

Menurut Fakrul, Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak pada Ogos depan menjadi medan terbaik untuk dia cuba melepasi had kelayakan selain turut mengintai peluang bagi mencatat rekod baharu kebangsaan.

“SUKMA Sarawak adalah SUKMA terakhir saya. Jadi saya harap dapat melakukan sesuatu di sana.

“Saya akan cuba untuk memecahkan rekod baharu di bawah catatan 50s. Ia adalah SUKMA terakhir dan saya mahu buat yang terbaik,” ujar anak jati Kelantan itu. **WK**

Lebih 20 atlet layak ke Paralimpik Paris 2024

KIRA-KIRA 20 hingga 25 atlet daripada tujuh acara sukan dijangka membawa cabaran Malaysia ke Sukan Paralimpik Paris 2024 berlangsung dari 28 Ogos hingga 8 September depan.

Setiasua Agung Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), **Datuk R Subramaniam** berkata setakat ini tujuh atlet daripada sukan olahraga, memanah dan berbasikal telah mengesahkan slot ke Paris.

“Jumlah sebenar atlet yang layak akan diketahui dalam beberapa bulan akan datang susulan kejohanan kelayakan yang bakal disertai oleh atlet daripada beberapa sukan seperti badminton, boccia, *powerlifting* dan renang.

“Selain slot secara merit, MPM juga menjangkakan menerima slot *bipartite* dan tiket *wild card* untuk temasya itu menjelang Mei ini.

“Tumpuan kita adalah untuk mengekalkan tiga pingat emas dimenangi pada dua edisi terdahulu atau pencapaian lebih baik daripada sebelumnya,” ujar beliau.

Di samping itu, Subramaniam turut menasihati kesemua atlet para negara supaya kuat dari segi mental dalam memburu kelayakan ke Sukan Olimpik.

“Keutamaan kita adalah untuk lebih ramai atlet layak. Setakat ini, kita mendapat sokongan yang baik daripada kerajaan melalui Majlis Sukan Negara (MSN),” ujarinya.

Terdahulu, pencapaian terbaik Malaysia sejak menyertai edisi pertama Sukan Paralimpik pada 1972 di Heidelberg, Jerman adalah di Tokyo 2020 dengan meraih tiga pingat emas dan dua perak mengatasi pencapaian tiga emas dan satu gangsa di Rio 2016.

Pada edisi Tokyo 2020, Datuk Abdul Latif Romly mengekalkan pingat emas acara lompat jauh lelaki T20, manakala dua lagi emas dimenangi Cheah Liek Hou (badminton perseorangan SU5) dan Bonnie Bunyau Gustin (*powerlifting* kategori 72 kg). Pingat perak pula diperoleh menerusi Jong Yee Khie (*powerlifting* kategori 107kg) dan Chew Wei Lun (boccia BC1). **WK**

Sinar buat acara pencak silat

PELUANG sukan pencak silat dipertandingkan semula dalam Sukan Asia Aichi - Nagoya 2026 dilihat cerah berikutan pelbagai usaha giat dilakukan bagi melobi selain menerima respons positif daripada pihak tuan rumah.

Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), **Datuk Megat Zulkarnain Omdin** berkata hal ini berikutan negara penganjur temasya itu turut mempunyai persekutuan Pencak Silat Jepun (JPSA) yang telah wujud sejak puluhan tahun lalu dan ia bukan sukan seni mempertahankan diri baharu di negara berkenaan.

Selain itu, beliau berkata perkembangan dan populariti sukan yang semakin meningkat di rantau Asia itu juga tidak boleh dinafikan selain turut mempunyai persekutuan pencak silat di setiap wilayah iaitu Asia Barat, Asia Timur, Asia Selatan, Asia Tenggara dan Asia Tengah.

“Ini adalah antara peluang dan senjata yang baik untuk melobi dan saya nampak ada peluang kerana kita telah menghantar permohonan memandangkan terdapat acara sukan yang masih boleh dipertimbangkan untuk dipertandingkan.

“Saya juga berterima kasih kepada Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Mohamad Norza Zakaria yang membantu dan menghantar surat kepada MOM Jepun untuk melihat permohonan Persekutuan Pencak Silat Asia (APSIF) bagi membolehkan silat dipertandingkan pada temasya itu nanti,” katanya ketika menyempurnakan Majlis Perasmian Kejohanan Silat Piala Laksamana Putra di Dewan Tun Ali Bukit Katil yang berlangsung dari 8 hingga 12 Februari dan mendapat penyertaan sebanyak 1,623 pesilat dari seluruh negara.

Mengulas lanjut, Megat Zulkarnain berkata baru-baru ini pihaknya telah berbincang dengan Presiden Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT), Prabowo Subianto untuk meneruskan usaha melobi selepas 14 Februari.

“Saya yakin dan percaya untuk ke Sukan Asia 2026 ini bukan lagi satu masalah besar kerana pencak silat pernah dipertandingkan pada Sukan Asia 2018 dan proses melobi berjalan dengan baik,” ujarinya kali terakhir acara silat menyertai temasya itu ialah semasa Sukan Asia Jakarta - Palembang (2018) sebelum diketepikan pada Sukan Asia Hangzhou 2022 yang berlangsung September tahun lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata Pesaka juga telah menetapkan satu garis panduan baharu kepada penganjur kejohanan silat di negara ini dengan tidak membenarkan waktu pertandingan melebihi masa ditetapkan sehingga lewat malam dan memendekkan masa kepada hanya satu pusingan pertandingan.

“Setiap kejohanan yang diadakan hendaklah menepati kehendak pesilat yang datang dari jauh dan mana-mana penganjur tidak dibenarkan untuk mengambil keuntungan semata-mata,” ujar beliau. **WK**



SUKAN silat semakin berkembang. - Gambar hiasan

Ezzaty jadi inspirasi wanita muda



DEEL ANJER

PELAKON popular **Ezzaty Abdullah** menjadi inspirasi kepada ramai wanita terutamanya suri rumah muda agar rajin memasak setiap hari untuk keluarga melalui sesi siaran langsung masak apa hari ini yang dihoskan olehnya.

Sesi tersebut membuatkan ramai yang teruja dan tertunggu-tunggu meskipun pelakon drama bersiri Rindu Kasih dan Cinta Sekali Lagi itu mengaku dirinya bukan seorang yang pandai memasak.

Keikhlasan dan kejujurannya dalam memasak membuatkan ramai jatuh cinta dan seolah-olah mewakili golongan muda yang baru belajar memasak.

"Alhamdulillah, saya sebenarnya tak sangka ramai yang suka tengok saya memasak. Malah ada yang tertunggu-tunggu atau bertanya kalau saya tak buat live memasak.

"Semoga semua yang suka melihat saya memasak dalam sesi live tersebut mendatangkan manfaat dan dorongan kepada

mereka untuk memasak demi keluarga tersayang.

"Bagi saya, keikhlasan untuk masak itu lebih bernilai. Dari segi kemahiran, ia boleh dilatih perlahan-lahan. Lama-lama mesti hebat," katanya.

Menurut Ezzaty, kerajinannya untuk membuat siaran langsung memasak bermula apabila tiada sesi penggambaran. Namun lama kelamaan, ramai yang menunggu sesi masakannya.

"Awal-awal dulu saya masak sebab isi masa lapang apabila anak ke sekolah dan tiada penggambaran. Pembantu rumah pula akan tidur selepas siap semua kerja rumah, jadi itulah masa untuk saya buat live masak-masak.

"Jujurnya saya tak pandai masak mana pun tapi tak sangka pula hari demi hari, makin ramai nak tengok. Walaupun masak ringkas saja, tapi mereka suka. Jadi dari situlah saya berkongsi apa yang saya masak dan sebarang tip masakan," ujarnya.

Kebiasaannya Ezzaty akan mencadangkan menu atau memberi

idea untuk menu masakan pagi, tengah hari dan malam kerana mengakui ramai yang ketandusan idea untuk memasak.

"Ramai juga peminat berharap saya muncul dengan buku resipi sendiri namun ia tidak semudah itu. Saya mula memasak ketika umur lapan tahun, sekarang dah 33 tahun. Saya tak rasa saya pandai masak. Kalau masak untuk suami dan keluarga bolehlah.

"Tak dinafikan juga ada segelintir yang suka kritik cara saya memasak tetapi saya berterus terang dengan mereka memang tak pandai. Bila saya buat live, ramai bagi cadangan itu ini. Sebenarnya saya banyak belajar daripada mereka," ujarnya bersyukur secara tidak langsung memperolehi ilmu masakan.

Menyentuh soal kerjaya, dalam drama bersiri Pewaris Cinta, Ezzaty membawa watak sebagai Rania iaitu anak kepada Rosmaria. Rania seorang yang lembut tetapi keras kepala disebabkan kurang kasih sayang. Dia berkahwin tanpa restu ibu dan meninggal ketika melahirkan anak. **WK**

Media sosial sangat toksik

DAHULU media sosial digunakan untuk berkongsi kegembiraan dan hal-hal yang positif namun hari ini ia seolah-olah menjadi melampiaskan perasaan marah, dendam, tidak puas hati dan sebagainya. Ia sekali gus memberi aura yang tidak baik dalam kehidupan seharian.

Turut berpandangan sama, penyanyi popular, **Wany Hasrita** berkata media sosial kini semakin toksik dan dibanjiri dengan emosi negatif.

"Pada pendapat peribadi, saya lihat sekarang, penggunaan media sosial lebih banyak buruk daripada baik. Lagi banyak negatif dari positif.

"Dulu, media sosial menjadi tempat untuk kita meluahkan perkara-perkara yang seronok dan mendapatkan ilmu pengetahuan. Namun kini, ia menjadi tempat menyebarkan fitnah dan medan pergaduhan.

"Bayangkan kehidupan seharian kita sudahlah banyak kerja dan pelbagai perkara yang harus diselesaikan. Namun apabila tengok media sosial, ia sebenarnya menambah rasa stres atau beban.

"Apa yang boleh saya katakan, semua ini tidak elok untuk jangka masa panjang memandangkan

media sosial adalah sebahagian dalam hidup kita semua," katanya.

Bagi Wany atau nama sebenarnya Nurshazwany Hasrita Hasbullah, 31, pengguna media sosial harus bijak dan mempunyai sifat

bertanggungjawab sebelum menyebarkan sesuatu.

"Sebagai pengguna yang bijak, bagusnya kita tapis dahulu apa yang kita nak tulis. Sebagaimana kalau kita jumpa orang secara berhadapan, kita tak akan sewenang-wenangnya bercakap lepas atau mengeluarkan perkataan kesat.

"Saya faham, kadang-kadang ada yang menggunakan media sosial untuk luahkan rasa stres. Ia adalah hak masing-masing, cuma berpada-pada. Cara sebegini tidak selesaikan masalah pun.

Dalam perkembangan lain, Wany akui seronok menjadi ibu kepada Aishah Al Iman yang kini berusia enam bulan sekali gus mengakui menjadi lebih matang dalam menguruskan kehidupan.

"Bila dah jadi ibu ini, saya jadi seorang yang overthinking sangat. Kadang-kadang rasa nak hantar Aishah pergi taska pun fikir berkali-kali. Bila fikir balik, sebagai penyanyi waktu tidak menentu. Jadi macam tak sesuai nak hantar ke taska.

"Sebelum ini memang saya jaga sendiri dan guna ejen pengasuh untuk jaga Aishah. Kalau saya nak ambil pembantu rumah pun, kena ada seseorang yang dipercayai di rumah sepanjang masa," ujarnya buat masa ini ibunya akan memantau Aishah apabila dia dan suami keluar bekerja.

Wany baru sahaja muncul dengan lagu Cinta Hatiku yang dedikasi khas buat anaknya, Aishah selain sibuk dengan persiapan untuk Anugerah Juara Lagu ke-38 (AJL 38) menerusi lagu KuCuma duet bersama Datuk Jamal Abdillah. **WK**

Aiman Sidek tak kisah kurang dikenali

PENYANYI Aiman Sidek, 35, mengaku lebih selesa berdiam diri jika tidak ada lagu yang perlu dipromosi.

Bagi finalis Anugerah Juara Lagu ke-28 AJL 28 menerusi lagu Dusta Berkalang ciptaan Hafiz Hamidun dan Fedtri Yahya ini, dia memilih untuk lebih menjaga hati isteri, anak-anak dan keluarga daripada mencipta kontroversi.

"Dari tahun 2008 saya dalam industri muzik tanah air, saya tak pernah mencipta cerita-cerita yang tak berkaitan dengan. Malah lebih senang untuk bercerita tentang karya dan lagu-lagu sahaja.

"Disebabkan itulah orang ramai lebih kenal lagu-lagu saya berbanding siapa Aiman Sidek itu sendiri. Di akhirnya, lagu yang akan menjadi peneman yang mendengarnya," katanya.

Dalam masa yang sama, pelantun lagu Cinta Sejati ini mengaku tidak akan sesekali bersetuju untuk melariskan konten negatif walaupun dibayar kerana enggan memberikan rasa yang tidak baik terutama buat insan-insan tersayang. "Saya hanya fokus terhadap perjalanan karier dan membangunkan dua buah syarikat bersama rakan kongsi iaitu 4u Entertainment dan

Artheal Publishing sahaja untuk jangka masa panjang," ujarnya.

Namun, dia tidak pernah menilai atau menghakimi mana-mana artis yang gemar muncul dengan cerita panas atau kontroversi.

"Berkenaan konten negatif ia adalah satu perkara subjektif kerana setiap penyanyi atau pencipta kandungan ada cara masing-masing untuk memberikan impak pada karya mereka," ujarnya. **WK**





Mempersenda kalam Allah

Perbuatan orang jahil ilmu agama Islam

HUKUM yang ditetapkan oleh Allah SWT wajib dihormati seluruh umat Islam dan ia mesti dianggap sebagai sesuatu yang suci.

Mufti Pulau Pinang, **Datuk Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor** berkata hukum agama bukanlah bahan permainan kerana ia diturunkan oleh Tuhan yang mencipta manusia dan alam semesta seluruhnya.

"Seorang Muslim perlu ada perasaan bimbang terhadap kemungkinan menjadi murtad dengan tidak disengajakan sekiranya mempermainkan hukum Allah.

"Lantaran itu saya menyeru golongan yang suka mempersendakan hukum Allah supaya segera bertaubat kerana kita tidak tahu bilakah malaikat maut (Izrail) akan mengambil nyawa kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan pempengaruh media so-



WAN SALIM

sial, Sulaeman Ra'e, 44 atau lebih dikenali sebagai Dd Chronicles yang telah mempersendakan hukum Islam dalam video parodi pada Selasa.

Menerusi video yang berdurasi 3 minit 59 saat itu memaparkan situasi beberapa orang umat Islam



SULAEMAN

yang melanggar hukum agama seperti meminum arak, berjudi dan liwat, namun dilepaskan berikutan didakwa tiada peruntukan undang-undang untuk menghukum dan menyekat perbuatan tersebut dalam kalangan umat Islam.

Menurut Wan Salim, perbuatan

tersebut hanya dilakukan oleh orang jahil dan golongan tersebut berani mempersenda kalam Allah SWT atau hadis Rasulullah SAW dengan memperlecehkan hukum agama yang telah ditetapkan.

"Kejahilan sering mededahkan seseorang kepada bahaya dan lantaran itu Islam amat menggalakkan penganutnya agar sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan sama ada dalam bidang agama (Islam) atau lain-lain," katanya.

Tegas Wan Salim perbuatan tersebut adalah tidak beretika dan boleh merosakkan akidah seorang Muslim jika dilakukan dengan sengaja dan dalam keadaan sedar.

"Menerusi Firman Allah bermaksud: 'Adakah dengan Allah, ayat-ayat-Nya dan Rasul-Nya kamu memperolok-olokkan? Janganlah kamu berdalih lagi, sesungguhnya kamu telah kufur setelah keimanan kamu.' (Surah at-Taubah: 65,66)," katanya.

Rentetan daripada video

tersebut, ia mengundang perasaan marah umat Islam berikutan kandungan tersebut yang memutar belit fakta di samping telah menghina keputusan Mahkamah Persekutuan mengenai pembatalan 16 Enakmen Jenayah Syariah Kelantan minggu lalu.

Walaubagaimanapun, Dd dalam satu rakaman video pada Rabu telah memohon maaf kepada seluruh umat Islam berikutan video parodi tersebut mendapat perhatian dan kecaman daripada orang ramai yang mempersoalkan tindakannya.

Beliau mengakui terlepas pandang terhadap beberapa fakta dan di atas kesedaran tersebut beliau telah memadam video berkenaan demi menghormati undang-undang.

"Sebenarnya saya tiada masalah dengan isu baru-baru ini, cuma risaukan masalah yang akan datang apabila undang-undang agama kita terkulai begitu sahaja, maka terhasillah video itu," katanya.

Sokongan rakyat kekal utuh kepada Kerajaan Perpaduan

SOKONGAN rakyat Malaysia terhadap Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terus kekal utuh walau banyak pihak cuba menjatuhkannya.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata rakyat boleh memahami keadaan serta penjelasan yang mengenai isu pembebasan Datuk Seri Najib Razak yang diberikan pengurangan 50 peratus bagi hukuman penjara 12 tahun yang sedang dijalaninya sejak 2022.

Menurutnya, walau menerima banyak tohmahan dan kecaman dari pelbagai pihak namun beliau yakin sokongan rakyat masih kekal utuh terhadap Kerajaan Perpaduan.

"Saya rasa rakyat fa-

ham dengan situasi yang dihadapi dan dalam masa sama mereka boleh menerima pandangan serta memahami keadaan serta penjelasan yang telah diberikan.

"Cuma kita perlu akur dan hormat dengan keputusan atau kuasa Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah (Yang di-Pertuan Agong ketika itu) untuk mengurangkan tempoh penjara bekas Perdana Menteri itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi temu bual eksklusif Wilayahku bersama Kementerian Komunikasi baru-baru ini.

Terdahulu, media melaporkan, Datuk Seri Najib Razak diberikan pengurangan 50 peratus bagi hukuman penjara 12

tahun yang sedang dijalaninya sejak 2022, sekali gus menyaksikan bekas Perdana Menteri itu bakal dibebaskan pada 23 Ogos 2028.

Selain tarikh pembebasan awal itu, Urusetia Lembaga Pengampunan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri, turut mengumumkan denda perlu dibayar oleh Najib dikurangkan daripada RM210 juta kepada RM50 juta.

Fahmi menjelaskan penjelasan sudah dilakukan, namun terpulang kepada pihak yang tidak mahu menerimanya.

Dalam perkembangan lain, beliau menyelar kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua

Penerangan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Datuk Razali Idris sebagai 'attention seeker'.

Fahmi memaklumkan, Razali seharusnya memahami tugas sebagai seorang menteri serta fungsinya.

"Sebagai seorang menteri, semestinya saya buat semakan terdahulu, dan teguran saya terhadap mantan Perdana Menteri itu benar.

"Bekas Perdana Menteri terbabit ada menyebut beberapa perkara yang telah disahkan oleh Mahkamah Perlembagaan, peguam dan pelbagai pihak lain sebagai tidak benar," katanya.

Fahmi juga turut meminta agar Ketua Penerangan BERSATU terbabit tidak perlu untuk

menegakkan benang yang basah.

"Kalau boleh hentikan dari mengeluarkan kata-kata yang tidak bijak," ujarnya.

Terdahulu media melaporkan, Razali menempelak tindakan Fahmi, yang didakwa menuduh Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyebarkan berita palsu.

Ia susulan Muhyiddin mengeluarkan kenyataan berhubung keputusan Mahkamah Persekutuan yang membatalkan 16 peruntukan kesalahan di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (1) Kelantan 2019.

Beliau mengulas respons Ahli Parlimen Lembah Pantai itu yang secara ringkas mengatakan 'Muhyiddin sebar berita palsu' menerusi hantaran di platform X.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM



UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

